

KRITIKAN SOSIAL FILEM *TALENTIME* (2009)

UMI ATIKAH BINTI MOHD KAMIL

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

KRITIKAN SOSIAL FILEM *TALENTIME* (2009)

UMI ATIKAH BINTI MOHD KAMIL

**KERTAS PENYELIDIKAN DISERAHKAN KEPADA AKADEMI
PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI MALAYA, SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **UMI ATIKAH MOHD KAMIL**

No. Matrik: **JGA 160009**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

Tajuk: **KRITIKAN SOSIAL FILEM *TALENTIME* (2009)**

Bidang Penyelidikan: **KESENIAN MELAYU**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....
Tandatangan calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....
Tandatangan Saksi
Nama:
Jawatan:

Tarikh:

KRITIKAN SOSIAL FILEM *TALENTIME* (2009)

ABSTRAK

Kritikan sosial adalah ulasan tentang sesebuah karya yang membincangkan tentang nilai positif dan negatif dalam karya tersebut. Kritikan sosial dapat disampaikan melalui beberapa bentuk seperti penulisan akademik, wacana pendidikan dan media massa (Naila Mufidah, 2014). Selain itu, kritikan sosial diulas berdasarkan proses analisis dan penilaian secara teliti yang telah dijalankan. Oleh itu, kajian kritikan sosial ini telah memilih filem *Talentine* karya sutradara Yasmin Ahmad. Filem *Talentine* diterbitkan pada tahun 2009 dan filem ini merupakan sumbangan terakhir Yasmin Ahmad kepada industri filem dan masyarakat. Teori sosiologi sastera oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir digunakan sebagai panduan. Kajian ini hanya mengambil satu daripada tiga prinsip sosiologi sastera yang digariskan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat (SSSGM). Objektif kajian ini untuk mengenal pasti kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine* dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine*. Hasil daripada analisis yang dilakukan, pengkaji menemukan dua aspek kritikan sosial yang diketengahkan oleh Yasmin Ahmad iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, dua aspek ini merupakan aspek paling menonjol yang berjaya digarap oleh sutradara Yasmin Ahmad.

Kata kunci: Kritikan sosial, filem, Yasmin Ahmad, Sosiologi Sastera, integrasi.

SOCIAL CRITICISM IN *TALENTIME* (2009)

ABSTRACT

Social criticism is an analysis that argues the positive and negative values in a certain work. Social criticism can be delivered in various methods, including academic writing, educational discourse, and mass media (Naila Mufidah, 2014). Besides that, social criticism is reviewed according to analytic process and detailed assessment. Therefore, the social criticism chosen for this thesis is the film *Talentime*, directed by Yasmin Ahmad. *Talentime* was released in 2009, where it remained as Yasmin Ahmad's last contribution to Malaysian cinema. This thesis will utilize the sociology of literature theory by Ungku Maimunah Mohd. Tahir as the main framework. This thesis will only take one of the three principles of sociology of literature as outlined by Ungku Maimunah Mohd. Tahir, which is the sociology of literature as the societal overview (SSSGM). The objective of this study is to identify the social criticisms integrated in *Talentime*. The result of the analysis shows that there are two aspects of social criticisms that were highlighted in the film, which are racial integration and cultural integration. Based on observation, these two aspects are the most prominent that were successfully emphasized by Yasmin Ahmad.

Keywords: Social criticism, film, Yasmin Ahmad, Sociology of Literature, integration.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya melengkapkan penulisan kertas projek yang besar ertinya selama 1 tahun setengah menimba dan mencari ilmu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia kertas projek ini iaitu Dr. Maizira Abdul Majid kerana sudi menerima saya di bawah seliaannya. Terima juga diucapkan kepada Dr. Maizira Abdul Majid yang telah banyak membantu, mengajar, memberi nasihat serta sokongan padu kepada saya dalam usaha menyempurnakan kertas projek ini.

Terima kasih diucapkan kepada informan yang telah bekerjasama di dalam melengkapkan kajian ini iaitu Sharifah Amani, Syafie Naswip dan Mahesh Khishor kerana sudi berkongsi pengalaman ketika mereka bekerjasama dengan Yasmin Ahmad. Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan Nur Fatin Zulkifli, Hafiz Zulkifli, Nashrah Lamin, Huraizah Abd Sani, Nadzirah Ramlee, Mogana dan seluruh rakan kelas Sarjana Pengajian Melayu sesi 2016/2017 yang sentiasa memberi dorongan dan panduan ketika berada di dalam kecelaruan semasa menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Mohd Kamil Jaafar dan Rosmawati Ismail yang tidak putus-putus memberi sokongan moral di saat kesusahan yang dihadapi sewaktu melengkapkan kertas projek ini. Kertas projek ini didekasikan kepada ibu dan ayah yang sentiasa memberi inspirasi kepada saya untuk terus menuntut ilmu. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Abstrak.....	iii
Abstarct.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Rajah.....	x
Senarai Gambar.....	xi
Senarai Singkatan.....	xii
Senarai Lampiran.....	xiii
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Latar belakang kajian.....	2
1.2 Fakta ringkas Allahyarham Yasmin Ahmad.....	3
1.3 Sinopsis filem <i>Talentine</i> (2009).....	4
1.4 Permasalahan kajian.....	5
1.5 Persoalan kajian.....	7
1.6 Objektif kajian.....	8
1.7 Batasan kajian.....	8
1.8 Kepentingan kajian.....	9
1.9 Konsep operasional.....	10
1.9.1 Filem.....	10
1.9.2. Kritikan sosial.....	11
1.9.3 Integrasi.....	14

1.9.4	Integrasi kaum.....	14
1.9.5	Integrasi budaya.....	15
1.10	Rumusan.....	17
BAB 2: SOROTANKAJIAN.....		18
2.0	Pengenalan.....	18
2.1	Filem.....	18
2.2	Filem melambangkan budaya masyarakat.....	21
2.3	Filem dan sastera.....	22
2.4	Filem sebagai senjata propaganda.....	22
2.5	Filem sebagai medium dakwah.....	23
2.6	Filem Allahyarham Yasmin Ahmad sebagai pemasaran idea kepelbagaian budaya.....	24
2.7	Kritikan sosial.....	26
2.8	Integrasi sebagai kritikan sosial di dalam filem <i>Talentine</i> (2009).....	30
2.9	Integrasi masyarakat Malaysia.....	32
2.10	Kaum dan budaya.....	34
2.11	Kesimpulan.....	38
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN.....		39
3.0	Pendahuluan.....	39
3.1	Kerangka teoritis.....	39
3.2	Konsep dan teori.....	41
3.2.1	Sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat (SSSGM).....	42

3.2.2	Sosiologi sastera sebagai kritikan teks dan konteks (SSSKTDK).....	43
3.2.3	Sosiologi sastera sebagai penilaian paradigma tertentu (SSSPPT).....	44
3.3	Metodologi kajian.....	44
3.4	Sosiologi sastera sebagai kritikan teks dan konteks (SSSKTDK).....	45
3.5	Kaedah temu bual.....	45
3.6	Proses analisis data.....	46
3.7	Kesimpulan.....	46
 BAB 4: ANALISIS KAJIAN.....		48
4.0	Pengenalan.....	48
4.1	Integrasi sebagai kritikan sosial.....	48
4.2	Integrasi kaum.....	49
4.2.1	Nilai kekeluargaan berbilang kaum.....	49
4.2.1.2	Keluarga Melur.....	49
4.2.1.3	Keluangan Mahesh.....	58
4.2.1.4	Nilai percintaan berbilang kaum.....	62
4.2.1.5	Nilai persahabatan berbilang kaum.....	69
4.3	Integrasi budaya.....	72
4.4	Rumusan.....	79
 BAB 5: KESIMPULAN.....		81
5.0	Pendahuluan.....	81
5.1	Rumusan kajian.....	81
5.2	Cadangan kajian akan datang.....	86

5.3 Limitasi.....	86
Bibliografi.....	88
Lampiran.....	95

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1:Teori Sosiologi Sastera.....41

University of Malaya

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Pengenalan keluarga Melur.....	50
Gambar 2: Keluarga Melur sedang makan bersama-sama.....	51
Gambar 3: Keluarga Melur meraikan kedatangan Mahesh.....	66
Gambar 4: Cikgu Tan dan cikgu Anuar menjemput Melur di rumah.....	71
Gambar 5: Penggunaan <i>chopstick</i> di dalam keluarga Melur.....	77

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

UMNO	:	<i>United Malay Nationalist Organization</i>
MCA	:	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIA	:	<i>Malaysian Indian Congress</i>
SSSGM	:	Sosiologi Sastera sebagai gambaran masyarakat
SSKTDK	:	Sosiologi Sastera sebagai kritikan teks dan konteks
SSSPPT	:	Sosiologi Sastera sebagai penilaian paradigma tertentu

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Temu bual bersama Syafie Naswip.....	95
--	----

University of Malaya

BAB SATU

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Pada tanggal 7 Januari 2014 tempoh lalu, mesin pencarian Internet terkenal *Google* telah menyediakan sebuah *doodle* khas bersempena memperingati pemergian seorang pengarah filem dan penulis skrip terkenal di Malaysia. Pasukan *doodle Google* yang berpusat di Mountain View, California tersebut telah memilih pembentukan *doodle* buat pengarah filem terkenal Malaysia tersebut selepas bersaing dengan lebih daripada 1,000 *doodle* setiap tahun bagi lebih daripada 70 negara untuk meraikan seorang tokoh inspirasi (The Star Online, 2014). Pengarah dan penulis itu tidak lain dan tidak bukan adalah Allahyarham Yasmin Ahmad (7 Januari 1958 – 25 Julai 2009).

Berbicara tentang Allahyarham Yasmin Ahmad membuka pelbagai pekung yang rata-ratanya dianggap sebagai “*taboo*” dalam masyarakat Malaysia (Ian Fadzil, 2017). Namun, masakan masyarakat Malaysia lupa tentang iklan-iklan nukilannya yang berjaya menyentuh jiwa dengan pengetengahan tentang pelbagai budaya seperti iklan Petronas dengan tema kemerdekaan bertajuk “*One Little Indian Boy*” dan iklan yang nyata ringkas namun mencuit hati bertajuk “*Tan Hong Ming*”.

Filem pertama yang dihasilkan oleh Yasmin bertajuk *Rabun* diterbitkan pada tahun 2003. Filem ini menerima pelbagai kecaman daripada pelbagai pihak malah tak kurang juga menyanjung filem tersebut. Menurut Fadli Al-Akiti (2013), *Rabun* adalah sebuah filem permainan emosi yang sangat tajam. Yasmin Ahmad berjaya bermain dengan emosi penonton apabila terdapat sebuah babak mengatakan bapa Orkid sakit kronik iaitu kencing manis, tapi pada akhirnya terlerai semua konflik di mana bapa nya

terselamat daripada penyakit tersebut. Sambung beliau lagi, filem ini juga menyentuh tentang keadaan politik semasa di Malaysia. Oleh sebab itu, beliau tidak teragak-agak memberi penghargaan kepada filem ini kerana filem ini boleh dilihat daripada pelbagai perspektif.

Selepas *Rabun* Yasmin telah menerbitkan beberapa buah filem sepanjang hayat beliau seperti *Sepet* (2004), *Gubra* (2006), *Mukhsin* (2006), *Muallaf* (2008), dan *Talentine* (2009). *Talentine* merupakan filem yang terakhir diterbitkan oleh Yasmin. Menurut Amir Muhammad (2009), filem *Talentine* bukan merupakan filem Yasmin yang terbaik. Amir Muhammad berpendapat bahawa naratif filem ini sangat perlahan dan tiada “pertalian kimia” antara pelakon utama iaitu Melur dan Mahesh. Sebuah babak yang dapat menarik perhatian beliau apabila lagu kebangsaan dimainkan oleh kumpulan pancaragam ketika perhimpunan sekolah terdapat sosok tubuh lelaki iaitu Mahesh yang berjalan tanpa menghormati lagu tersebut. Pada ketika ini timbul persoalan mengapa Mahesh tidak menghormati lagu kebangsaan sedang dimainkan oleh kumpulan pancaragam tersebut. Segala persoalan yang timbul dijelaskan pada babak yang seterusnya di mana Mahesh adalah seorang pelajar yang bisu dan pekak.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian bersifat kualitatif ini akan menyentuh tentang kritikan sosial yang diutarakan oleh Allahyarham Yasmin Ahmad di dalam filem *Talentine* (2009) dengan menggunakan pembentukan teori sosiologi sastera oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir. Justeru, penjelasan tentang teori ini akan dibincangkan pada bahagian kerangka teoritis.

Sebagai filem terakhir arahan beliau, *Talentine* (2009) tidak memberikan impak yang begitu kencang akibat elemen muzik yang diterapkan, berbanding filem-filem beliau sebelum ini. Walau bagaimanapun, filem ini masih berjaya merangkul anugerah

Skrip Terbaik dan Pengarah Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-22. Allahyarham dalam laman blognya dipetik mengatakan:

“Talentine is a story that full of joy, pain, hope, despair with beautifully-written songs and rich characters.”

(Yasmin Ahmad, 2008, ms. 3)

1.2 Fakta Ringkas Allahyarham Yasmin Ahmad

Dilahirkan pada tanggal 7 Januari 1958 di Kampung Bukit Treh, Muar Johor, pengarah dengan jiwa yang mampu merentasi jambatan budaya ini memulakan kariernya sebagai seorang penulis di Malaysia, sebelum kemudiannya menjulang tempat sebagai seorang pengarah eksekutif kreatif di sebuah syarikat pengiklanan Leo Burnett Kuala Lumpur. Dengan kelulusan jurusan seni dalam bidang politik dan psikologi dari Universiti Newcastle, Britain, beliau menyebarkan cebisan budaya dalam penghasilan iklan TV sehingga penghasilan filem panjang pertamanya, *Rabun* pada tahun 2003. Ibarat pepatah *sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit*, Allahyarham Yasmin Ahmad kemudiannya berjaya menghasilkan 5 lagi filem panjang iaitu *Sepet* (2004), *Gubra* (2006), *Mukhsin* (2007), *Muallaf* (2008) dan *Talentine* (2009) dengan tema percintaan dan kepelbagaian budaya yang diolah dengan penuh ghairah. Walau bagaimanapun, penghasilan filem-filem beliau nyata memberi impak yang besar pada masyarakat Malaysia berikutan kerana pendedahan ideologi-ideologi yang dianggap sebagai tidak bersesuaian, terlalu sensitif dan meraikan sekularisme di kalangan masyarakat (Faisal Tehrani, 2006).

Namun selepas 7 tahun pemergiannya, pelopor dan penggiat seni masih aktif memberikan penghargaan buat beliau. Buktinya sehingga tahun 2015 sahaja, pelbagai bentuk penghargaan di peringkat antarabangsa giat menayangkan maraton filem-filem arahan beliau. Sebuah tayangan filem selama 5 jam dijalankan di Auditorium Malay

Heritage Centre, Singapura manakala pihak *Kineforum* wakil Indonesia menghadihkan program “Tokoh” buat pengarah berjiwa besar ini. Sebuah buku bertajuk *Yasmin How You Know* juga telah diterbitkan oleh Leo Burnett Malaysia, membicarakan tentang diri pengarah ini, dengan keuntungan penjualan buku kemudiannya disumbangkan kepada yayasan Mercy Malaysia, sebuah yayasan kegemaran Allahyarham sendiri.

Harith Baharudin dan Ngo Sheau Shi (2014) dalam kajian mereka yang bertajuk *Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam Filem Muallaf Arahan Yasmin Ahmad*. penghasilan filem-filem sepanjang penglibatan beliau dalam industri kesenian adalah sebuah “legasi peninggalan artifak budaya yang penting untuk masyarakat kontemporari Malaysia”. Hal ini didorong oleh galakan yang disuntik dalam filem-filemnya yang meraikan pelbagai pihak, identiti, etnik dan agama, bersesuaian dengan situasi kepelbagaian budaya di Malaysia sendiri.

Walaupun karya-karya penghasilan Allahyarham Yasmin Ahmad kaya dengan elemen kepelbagaian budaya dan keindahan etnik masing-masing, namun tidak dapat dinafikan filem-filem beliau dikecam dengan hebat oleh sebilangan masyarakat Malaysia kerana mengetengahkan elemen agama Islam yang agak keras. Namun, kajian ini tidak akan menyentuh elemen agama yang diketengahkan oleh beliau, sebaliknya hanya akan menekankan tentang kritikan sosial khususnya di dalam filem *Talentine*.

1.3 Sinopsis Filem *Talentine* (2009)

Berlatar belakangkan sebuah sekolah menengah yang menganjurkan pertandingan bakat, Yasmin berjaya menyelitkan elemen kisah percintaan antara pelbagai kaum, dengan kepelbagaian latar budaya dan agama dalam filem ini. 7 finalis telah terpilih dalam pertandingan *Talentine* anjuran sekolah dengan salah seorang pelajar lelaki berbangsa India telah jatuh cinta dengan seorang gadis kacukan berbangsa Melayu.

Menurut Allahyarham Yasmin Ahmad, idea utama filem ini adalah tentang kemanusiaan. Di dalam filem *Talentine* Yasmin menonjolkan percintaan pelbagai budaya antara Mahesh berbangsa India dan Melur. Disebabkan percintaan ini, perkongsian budaya berlaku antara Melur seorang wanita berbangsa Melayu kacukan dan Mahesh seorang lelaki yang berbangsa India. Selain itu, Hafiz seorang pelajar Melayu yang tidak ketinggalan menyertai pertandingan ini. Namun begitu, di sebalik kegembiraan dan kesibukan melakukan persiapan untuk pertandingan ini, Hafiz dihujani pelbagai dugaan. Ibunya mengidap penyakit barah otak dan terlantar di hospital. Selepas tamat waktu sekolah, Hafiz akan menemani ibunya di hospital sehingga ibunya meninggal dunia.

Konflik percintaan antara dua bangsa antara Mahesh dan Melur terjadi apabila pakciknya Gahesh telah dibunuh pada hari perkahwinannya. Melur menyangka bahawa Mahesh masih bersedih terhadap peristiwa yang menimpa keluarganya. Namun Hafiz menceritakan perkara yang sebenar yang telah menimpa Mahesh dan keluarganya. Dalam konteks ini, Yasmin menginterpretaikan peristiwa hitam yang pernah terjadi di Malaysia iaitu tragedi rusuhan kaum yang terjadi antara kaum Melayu dan India iaitu peristiwa Kampung Medan. Ia telah mengorbankan hampir 6 nyawa dan 200 orang yang menyertai peristiwa perkauman tersebut.

1.4 Permasalahan Kajian

Farah Azalea (2008) mengulas walaupun pelbagai kajian telah dilaksanakan untuk membedah dan menyentuh tentang penghasilan filem-filem beliau seperti *Sepet*, *Gubra*, *Muallaf* dan *Mukhsin*, namun tidak dapat dinafikan masih ramai mengecam dan tidak menggemari pendekatan yang dibawa oleh beliau, yang rata-ratanya menyentuh tentang kepelbagaian budaya, agama dan bangsa.

Kajian *Controversies Surrounding Malaysian Independent Female Director Yasmin Ahmad's First Film, Sepet* tulisan Farah Azalea (2008) membincangkan kontroversi yang terpaksa dilalui oleh Allahyarham Yasmin Ahmad akibat filem pertamanya itu yang mengenegahkan isu-isu seperti percintaan antara bangsa yang berbeza, penayangan agama Islam yang keras, isu aurat dan berkemban. Filem-filem Yasmin dikecam hebat sehingga sebuah forum telah dijalankan oleh RTM 1. Pada tanggal 23 April 2006, rancangan secara langsung RTM 1 yang bertajuk Fenomena Seni telah membincangkan tajuk "*Sepet dan Gubra Mencemar Budaya*" dan menjemput dua orang juri iaitu wartawan Akmal Abdullah dan produser filem Raja Azmi Raja Sulaiman. Kedua-dua juri tidak bersetuju dengan penerapan Allahyarham Yasmin Ahmad yang menggarap percintaan antara dua kaum, iaitu antara Orked (berbangsa Melayu) dan Jason (berbangsa Cina) dengan ulasan "percintaan itu tidak logik" dan "pencampuran budaya adalah tidak kena kerana Malaysia Melayu punya" (The Sun Daily, 2006).

Usai perbincangan forum ini, sebuah undian SMS telah dibuat untuk menentukan sama ada filem *Sepet* dan *Gubra* benar-benar "merosakkan budaya". Hampir 50% daripada undian SMS bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hentakan dan kecaman terhadap filem-filem karya beliau tidak terhenti di situ sahaja. Laporan dalam buku *Race and Multiculturalism in Malaysia and Singapore* (2009) yang ditulis dan disunting oleh beberapa individu seperti Gaik Cheng Khoo, Daniel P. S. Goh dan Matilda Gabrielpillai turut dipetik mengatakan filem *Sepet* sahaja telah dibincangkan di parlimen kerana bahasa rojak yang digunakan. Bahasa rojak tersebut dikatakan merosakkan imej dan kekayaan bahasa di Malaysia. Hakikatnya, Allahyarham Yasmin Ahmad memaparkan kepelbagaian bahasa (Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin,

Hokkien, India) yang dituturkan dalam dialog seperti mana yang dilakukan oleh penduduk Malaysia sendiri.

Walau bagaimanapun, di sebalik kritikan dan kecaman yang diterima oleh Yasmin Ahmad, masih terdapat pujian dan sokongan daripada netizen yang sentiasa menyanjungi Yasmin. Antaranya adalah Farah Azalea (2008), berpendapat bahawa karya Yasmin Ahmad bersifat sangat peribadi kerana beliau mengaplikasikan persekitaran sosial beliau di dalam karyanya, ini adalah penting kerana Yasmin Ahmad mempunyai ciri-ciri seorang pengarah yang mempunyai latar belakang percampuran kaum dan sekali gus merepresentasi “Malaysia” di persada industri filem antarabangsa. Selain itu, seorang penulis terkenal iaitu Amir Muhammad di dalam artikel Clarissa Lee Ai Ling (2008), menghuraikan Yasmin Ahmad merupakan seorang pengarah yang berjaya mengangkat filem berkaitan kepelbagaian etnik di Malaysia kerana Yasmin sudah keluar dari “norma” atau corak industri filem di Malaysia. Selain itu, Clarissa menyokong sekiranya, terdapat pembikin filem seperti Yasmin Ahmad yang mahu mengangkat isu tentang etnik dan bangsa oleh kerana itulah hakikatnya di Malaysia yang meraikan kepelbagaian etnik di dalam masyarakat.

Justeru, kajian ilmiah ini dilakukan untuk menghuraikan tentang kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine*. Aspek kritikan sosial yang akan dibincangkan ialah aspek integriti kaum dan integrasi budaya diolah melalui pengamatan terhadap naratif dan dialog.

1.5 Persoalan Kajian

Yasmin Ahmad sering memperjuangkan isu sosial di dalam persekitaran masyarakat majmuk di Malaysia seperti percintaan antara dua bangsa, persilangan budaya dan ragam antara kepelbagaian kaum di Malaysia.

Hal ini seiring dengan penelitian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini yang membedah filem-filem terawal beliau dan membuktikan isu realiti masyarakat yang diperjuangkan. Filem *Sepet* (2005) sendiri telah diangkat sebagai salah satu filem terawal yang membincang dan memaparkan isu realiti yang terjadi di dalam kepelbagaian kaum di Malaysia, sebelum diikuti oleh *Talentine* (2009) dan beberapa buah filem arahan pengarah lain seperti *Estet* (2010), *Nasi Lemak 2.0* (2011), *Kolumpo* (2013), dan *Ola Bola* (2016).

Justeru, persoalan yang dibentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine* (2009)?
2. Bagaimanakah Allahyarham Yasmin Ahmad menginterpretasikan kritikan sosial filem *Talentine* (2009)?

1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan dan pernyataan masalah seperti yang di atas, kajian ini dilakukan untuk menjawab dua objektif kajian yang telah dirangka. Antara objektif kajian adalah:

1. Mengenal pasti kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine* (2009).
2. Menganalisis kritikan sosial yang diinterpretasikan dalam filem *Talentine* (2009).

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini untuk mengkaji dan menganalisis filem *Talentine* arahan Yasmin Ahmad bagi mengenal pasti kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine*. Yasmin Ahmad adalah seorang yang giat berjuang mencambahkan kecantikan kepelbagaian budaya, keharmonian kaum serta kasih sayang antara kepelbagaian kaum di dalam karyanya.

Tambahan lagi, kajian ini juga menganalisis kritikan sosial yang diinterpretasikan oleh Yasmin Ahmad di dalam filem *Talentine*. Analisis kajian pula tertumpu kepada dua aspek iaitu aspek integrasi kaum dan integrasi budaya melalui pengamatan terhadap naratif dan dialog dengan menonton filem *Talentine* untuk meneliti aspek kritikan sosial.

Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan kaedah temu bual intensif. Temu bual dijalankan secara intensif bersama rakan produksi filem *Talentine* dan pelakon filem *Talentine*.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menyumbang kepada pendokumentasian tentang integrasi nasional terutamanya tentang masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini kerana setiap pengarah mempunyai rentak tersendiri untuk menghidupkan karya yang dihasilkan. Seperti sedia maklum, Yasmin Ahmad terkenal dengan karya beliau yang menyentuh tentang isu sosial yang tabu di dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Menurut Yasmin Ahmad melalui *Zine Yasmin Ahmad Studies*:

“Anda perlu menjadi seorang Malaysia, barulah anda akan faham apa sebenarnya yang hendak saya sampaikan.”

(Ian Fadzil, 2017, ms. 5)

Selain itu, penulisan kajian ini akan menyumbang ilmu pengetahuan tentang kehebatan Yasmin Ahmad memperjuangkan idea semangat perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia khususnya melalui filem yang dipilih oleh pengkaji iaitu filem *Talentine*. Justeru, pengkaji berharap kajian ini dapat menyumbangkan cetusan idea tentang kritikan sosial yang melibatkan gabungan tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

1.9 Konsep Operasional

1.9.1 Filem

Asiah Sarji (1996), menghuraikan filem adalah terhasil daripada bentuk rakaman visual bergerak yang dirakamkan menggunakan kamera dan mengandungi isi penceritaan yang dimuatkan di dalam bentuk visual, dialog dan bunyi.

Selain itu, filem merupakan medium proses penyampaian sesebuah makna (Juliana & Mahyuddin, 2008). Hal ini bersangkut paut dengan kajian daripada Al Fatimah Md Adnan dan Normaliza Abd Rahim (2014) yang menyatakan filem adalah cerminan masyarakat. Filem adalah medium yang paling tepat melambangkan situasi sosial masyarakat pada abad yang tertentu (Adi Pranajaya, 1999).

Oleh itu, filem merupakan karya seni yang dapat dipecahkan kepada beberapa genre iaitu komedi, seram, drama, aksi dengan tujuan utamanya sebagai wadah penyampaian maklumat serta memberi 100 peratus kuasa memilih kepada penonton untuk memilih genre yang digemari. Menurut Shafezah Abdul Wahab dan Siti Najah Raihan Sarkani (2015), pembikin filem tempatan lebih menitik beratkan elemen komersial berbanding kualiti. Oleh sebab itu, menyebabkan punca kegagalan filem industri Malaysia untuk menghasilkan filem yang berkualiti. Namun begitu, corak penghasilan filem di Malaysia mula mengalami perubahan apabila filem yang berkualiti mula dihasilkan. Ianya dapat dilihat apabila berlangsungnya Festival Filem Malaysia ke 29, filem *Adiwiraku* merangkul Anugerah Filem Terbaik. *Adiwiraku* boleh dikatakan sebagai filem yang berkualiti oleh kerana filem tersebut membawa penonton mengenali “Malaysia” sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum yang hidup dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera. Selain itu, pada malam berprestij tersebut, Dain Said iaitu seorang pengarah tempatan yang berkaliber telah merangkul Anugerah

Pengarah Terbaik bagi filem arahnya iaitu *Interchange*. Filem *Interchange* telah membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa. Filem *Interchange* bukan sahaja ditayangkan di Malaysia namun ia juga di tayangkan di negara seberang iaitu Indonesia. Filem *Interchange* juga terus mencipta kejayaan apabila filem tersebut telah dipilih sebagai filem pembukaan bersempena Festival Filem Antarabangsa Singapura (SGIFF) yang telah berlangsung pada 23 November hingga 4 Disember 2016. Oleh itu, sehingga pada tahun 2017 dapat dilihat industri perfilemen Malaysia mengalami perubahan dari segi kualiti berbanding isu komersial.

1.9.2 Kritikan Sosial

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017), kritikan bermaksud ulasan tentang sesebuah karya yang terdiri daripada buku, hasil seni yang membincangkan tentang kebaikan serta kelemahan. Di samping itu, karya tersebut akan melalui proses analisis dan penilaian berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Bentuk kritikan terdiri daripada kritikan yang berunsur pujian, kecaman dan teguran. Di dalam ruang lingkup pengajian ilmu kemanusiaan, kritikan sering dilontarkan kepada karya kesusasteraan yang terdiri daripada cerpen, sajak dan puisi dan bidang filem juga tidak ketinggalan untuk dikritik.

Sosial adalah ruang lingkup yang berkaitan dengan kelompok masyarakat (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017). Pip Jones menyatakan di dalam makalah beliau *Introducing Social Theory* (2003), setiap kelompok masyarakat terdiri daripada aturan “kebudayaan” yang berbeza-beza. Pip Jones mempercayai bahawa budaya wujud sebelum manusia mempelajarinya. Di samping itu, kebudayaan berpaksi pada interaksi sosial antara manusia hingga tercetusnya sebuah aturan hidup yang menyusun norma, fikiran dan kelakuan sesebuah masyarakat.

Perkataan kritikan sosial terbahagi kepada dua frasa iaitu kritikan dan sosial. Menurut Naila Mufidah (2014), kritikan sosial dapat disampaikan melalui beberapa bentuk seperti penulisan akademik, wacana pendidikan serta media massa. Beliau menyatakan lagi bahawa kritikan sosial adalah sebuah bentuk komunikasi masyarakat yang bertujuan menentukan sistem sosial masyarakat. Di dalam sesebuah filem, kritikan sosial adalah unsur yang terpenting kerana filem merupakan cerminan masyarakat (Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim, 2014).

Ilmu kritikan sosial tidak terhad hanya pada karya yang berbentuk fizikal sahaja namun kritikan sosial juga diaplikasikan terhadap karya visual seperti filem. Di Malaysia bidang kritikan sosial di dalam sastera telah giat dilakukan oleh para sasterawan. Jika di dalam bidang kritikan sosial kesusasteraan, tokoh yang sering melemparkan kritikan yang tajam dan bernas adalah seperti Allahyarham Kassim Ahmad. Kassim Ahmad merupakan seorang sasterawan negara yang sering dikaitkan sebagai anti-hadith di Malaysia. Beliau sering memberikan kritikan terhadap isu agama Islam di Malaysia serta beliau juga giat memberikan kritikan sastera terhadap karya terpenting di dalam bidang kesusasteraan. Novel Salina karya A. Samad Said dan Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad merupakan antara karya yang dikritik oleh Kassim Ahmad. Ideologi Kassim Ahmad sering mencetuskan kontroversi menyebabkan beliau digelar sebagai “sosialis”.

Di samping itu, kritikan sosial turut diaplikasikan di dalam bidang perfileman. Antara pengkritik yang aktif melontarkan kritikan filem adalah seperti Hassan Mutalib, Anuar Nor Arai dan beberapa orang penyelidik yang sering mengupas tentang kritikan sosial di dalam filem. Kritikan sosial merupakan elemen terpenting di dalam filem oleh kerana ia merupakan sebahagian representasi budaya tempatan kepada khalayak (Muhammad Su’ud Zhariff, 2012). Tambahan lagi, kritikan sosial digarap oleh

pengarah melalui babak babak yang tertentu dimana ianya terselit seribu makna kritikan terhadap isu sosial dan masyarakat. Filem Allahyarham Yasmin Ahmad, Allahyarham Tan Sri P Ramlee dan Mamat Khalid terkenal dengan kritikan yang tajam tentang isu sosial masyarakat. Filem Allahyarham Tan Sri P Ramlee terkenal dengan isu kasta di dalam masyarakat dan politik. Manakala filem Allahyarham Yasmin Ahmad terkenal dengan semangat kepelbagaian budaya antara tiga etnik utama di Malaysia serta penonjolan elemen agama Islam yang tajam.

Di dalam kajian Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim tentang kritikan sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang oleh Mamat Khalid mereka menegaskan bahawa Mamat Khalid merupakan seorang pengarah yang peka dengan isu sosial masyarakat. Hampir keseluruhan filemnya seperti Rock, Estet, Kala Malam Bulan Mengambang menyentuh tentang realiti masyarakat.

Selain daripada Mamat Khalid, Allahyarham Yasmin Ahmad antara pengarah yang terkenal mengetengahkan isu realiti tentang masyarakat. Ngo Sheau Shi dan Harith Baharuddin (2015), menyatakan bahawa Yasmin Ahmad merupakan seorang pengarah filem yang sering menerima kritikan, kecaman dan teguran yang tajam terhadap hampir kesemua karya beliau. Muallaf merupakan antara filem beliau yang mencetus perbincangan dan kritikan daripada penggiat filem di Malaysia. Muallaf merupakan filem Yasmin Ahmad yang diterbitkan pada tahun 2008 yang memaparkan isu keagamaan yang sensitif serta menimbulkan kontroversi (Ngo Sheau Shi & Harith Baharuddin, 2015). Di samping itu, Lembaga Penapisan Filem menghalang filem ini ditayangkan di Malaysia oleh kerana penayangan isu keagamaan yang tajam. Reaksi awal terhadap filem ini menganggap filem ini sebagai sebuah filem yang menyemarakkan semangat liberalisme. Selain itu, mereka berpendapat bahawa, filem Yasmin Ahmad berjaya mencipta ruang kepada cendiakiawan, pembikin filem,

agamawan untuk membincangkan serta membahaskan tentang isu sosial masyarakat dan isu kontroversi tentang agama Islam.

1.9.3 Integrasi

Ting Chew Peh (1987), menyatakan integrasi adalah pengabungan dua kelompok berbeza yang telah terpisah daripada ras, etnik dan kepercayaan dan kemudiannya membentuk sebuah kesatuan di dalam sesebuah wilayah. Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010), pula menyatakan integrasi adalah sebuah proses membentuk identiti nasional di kalangan masyarakat yang berlainan budaya, lokasi, sosial dan kepercayaan di dalam sesebuah kelompok. Ting Chew Peh menyambung lagi bahawa integrasi adalah sebuah proses yang agak sukar untuk dilaksanakan. Hal ini kerana setiap etnik di Malaysia sering mengamalkan pemikiran stereotaip terhadap etnik yang lain (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010).

1.9.4 Integrasi kaum

Sebagai maklum, integrasi merupakan proses penyatuan dua etnik yang berbeza ras dan kepercayaan. Melalui penyatuan ini menghasilkan suasana harmoni di dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, menurut Kamus Dewan Edisi ke- 4, keharmonian atau harmoni membawa maksud sebuah keadaan yang bersesuaian dan aman dari segi pendapat, sikap, perasaan atau lain-lain. Keharmonian ini terbentuk sehubungan dengan pelarasan, kemesraan yang tercipta dan perpaduan yang menjadi tunggak penting. Abdul Rahman Embong (2002) dalam artikel *Malaysia as a Multicultural Society* membentangkan sejarah awal pembentukan Malaysia dengan kepelbagaian budaya dan kaum. Abdul menyokong pernyataan Profesor Wang Gungwu, seorang ahli akademik dan pakar sejarah yang membincangkan pembentukan keharmonian di kalangan kaum ini telah lama ada dan diterima dengan baik di Asia Tenggara, khususnya Tanah Melayu selepas

Melaka menjadi sebuah pelabuhan terkenal di kepulauan Melayu, dengan pelbagai tamadun seperti Hindu-Buddha, Islam, Confucianism, Arab, India dan Cina mengambil tempat di sana.

Hal ini yang menyokong kajian Gudeman, yang membicarakan keharmonian kaum di Malaysia mula terjejas selepas pembentukan “struktur sosial” oleh pihak British. Surat khabar Time (1969) melaporkan rusuhan 13 Mei telah mengorbankan hampir 600 orang kaum Cina dan Yang di-Pertuan Agong ketika itu terpaksa mengisytiharkan darurat. Rusuhan di Kampung Medan pada tahun 2001 pula berlangsung selama 3 minggu (4 hingga 13 Mac), berlanjutan daripada Kampung Medan hingga ke beberapa kawasan di Puchong. Hampir 6 orang meninggal dunia dan ratusan orang lagi mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan patah tulang (Chandran, 2002).

Masyarakat di Malaysia di ambang rusuhan dan tidak mencapai keharmonian kaum yang sejajar dengan kepelbagaian budaya dan bangsa yang mewarnai negara giat membangun ini. Keharmonian kaum adalah kunci utama untuk membentuk perpaduan yang kukuh dan menjamin keselamatan negara.

1.9.5 Integrasi budaya

Dalam kajian *Because we live in a multicultural world: Multiculturalism as a lived ideology* (2006), pengkaji Zuleyka Zevallos mengulas kepelbagaian budaya atau *multiculturalism* sebagai sebuah kehadiran, penerimaan dan pengetengahan konsep pelbagai budaya dalam sesebuah negara atau bidang kuasa. Kepelbagaian budaya ini adalah sebuah gabungan daripada kumpulan etnik asli dan juga kumpulan etnik asing. Olahan Zevallos disokong oleh konfrontasi yang dilakukan di Australia untuk membincangkan kepelbagaian budaya di negara tersebut. Kerajaan Australia

mengemukakan elemen kepelbagaian kaum sebagai sebuah gabungan yang berkembang dan tercantum hasil daripada penyebaran lebih daripada satu budaya yang berbeza, atau menerusi penyebaran seperti hal diaspora dan sebagainya. Penyebaran dan gabungan pelbagai budaya ini kemudiannya membentuk sebuah kemasyarakatan yang kukuh dan saling memiliki kepentingan dalam pembangunan insaniah.

Kepelbagaian budaya mewarnai kehidupan masyarakat di Malaysia. Menurut Roxane Harver Gudeman (2002) dalam kajiannya yang bertajuk *Multiculturalism in Malaysia: Individual Harmony, Group Tension*, kepelbagaian budaya di Malaysia menarik minat pelbagai pihak, hinggakan Anthony Burgess, seorang pentadbir kolonial British yang pernah menetap di Tanah Melayu (sebelum kemerdekaan) memasukkan adegan kepelbagaian kaum di Malaysia ini dalam novelnya yang bertajuk *Beds in the East* (1959). Burgess merangka 3 karakter mewakili 3 kaum utama yang mewarnai budaya di Malaysia – iaitu Melayu, Cina dan India.

Namun hakikatnya, 3 kaum utama tersebut terbentuk hasil daripada legasi “struktur sosial” yang direka oleh pihak British bagi memberi keuntungan pada pihak mereka. Akan tetapi, Melayu memang merupakan majoriti terbesar di Malaysia, dengan peratusan sehingga 58%, populasi, diikuti oleh kaum Cina dengan 24.6% dan 7% daripada kaum India. Tidak dilupakan 10% baki penduduk yang terdiri daripada penduduk asli Malaysia seperti Bajau, Brunei, Bidayuh, Dusun, Iban, Kadazan, Melanau, Orang Ulu, Orang Asli, Ceti, Peranakan dan lain-lain. Dek kerana dasar Pecah dan Perintah yang dilaksanakan oleh pihak British, kepelbagaian budaya yang dahulunya aman dan berperadaban kini terpaksa diasingkan mengikut penempatan untuk kegiatan ekonomi. Contohnya, kaum Cina ditempatkan di bandar atau pekan untuk menjalankan perniagaan dan melombong, manakala kaum Melayu di kawasan perkampungan untuk aktiviti pertanian, dan kaum India ditempatkan di ladang untuk

menguruskan kelapa sawit dan getah. Pengasingan penempatan dek kerana ingin mengawal ekonomi mengakibatkan kekacauan.

1.10 Rumusan

Sepanjang kajian ini dijalankan pengkaji bercadang untuk membangunkan pemahaman tentang kritikan sosial di dalam filem *Talentine* karya Yasmin Ahmad. Memilih sebuah aspek yang besar iaitu integrasi kemudian di pecahkan kepada dua buah aspek kecil iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya. Dua konsep ini sememangnya mempunyai kaitan antara satu sama lain untuk membentuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Yasmin dilihat menerapkan dua buah aspek ini iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya di dalam karya-karyanya terutama filem yang dipilih oleh pengkaji iaitu filem *Talentine*. Pada bab berikutnya pengkaji akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh ahli akademik terdahulu mengenai filem, kritikan sosial dan integrasi.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji telah memilih pelbagai bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian ini. Beberapa contoh kajian lepas telah disusun oleh pengkaji menggunakan ‘general to specific pattern’. Penyusunan ini dimulakan dengan topik yang paling besar dan kemudian akan menjadi lebih mendalam sehingga ke peringkat akhir. Secara dasarnya di dalam bab ini akan membahaskan kajian lepas mengenai (1) Filem, (2) Kritikan sosial, (3) Filem dan Integrasi, (4) Kaum dan budaya.

2.1 Filem

Menurut Rudolf Arnheim (1957), mengulas filem merupakan representasi kepada lukisan, muzik, kesusasteraan dan tarian dan akhirnya ia akan menghasilkan sebuah hasil artistik. Namun begitu, terdapat beberapa sarjana tidak bersetuju pernyataan ini, oleh kerana sarjana lain percaya bahawa lukisan itu adalah “seni” yang terhasil luhur dari kaca mata seorang pelukis, walhal filem hanyalah sebagai representasi realiti secara mekanik. Pengkaji ini menegaskan “filem adalah seni” oleh kerana filem dihasilkan daripada imaginasi seorang penulis skrip dan diterjemahkan daripada perspektif seorang pengarah sehingga terhasilnya sebuah hasil seni.

Takrif lain filem adalah imej atau visual yang bergerak lalu di zahirkan melalui bentuk dialog, visual dan bunyi (Anisah Sarji, 1996). Filem dirakam menggunakan sebuah kamera dan mengaplikasikan teknik-teknik sinematografi daripada hasil penggabungan dua pemikiran antara pengarah dan *cinematographer*. Maka akan terhasil sebuah “imej bergerak” atau filem yang membawa mesej dan moral tertentu. Jika

dahulu filem ditayangkan di ruang yang luas dengan tiket berharga 25 sen kini filem ditayangkan melalui kaca televisyen dan panggung wayang yang lebih moden dan selesa. (Siti Fatimah Awang, 2016).

Menurut Hassan Mutalib (2013), sebelum kewujudan filem, Penglipur Lara merupakan antara hiburan terawal wujud di Tanah Melayu. Penglipur Lara akan bergerak dari sebuah kampung ke sebuah kampung untuk menyampaikan cerita secara lisan. “Tok Selampit” merupakan tukang cerita yang terkenal pada ketika itu. Gerakan Penglipur Lara aktif sekitar utara semenanjung iaitu di Kedah dan Perlis dan juga di selatan Thailand. Selepas “Tok Selampit” di ikuti pula kemunculan “Awang Batil” ataupun kadang-kadang dipanggil “Awang Belanga”. Dari masa ke semasa wayang Melayu semakin berkembang kerana kewujudan bangsal dan ruang terbuka untuk persembahan seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan Bangsawan.

Hassan Mutalib menyambung lagi terdapat perkaitan antara pengaruh bangsawan dan sejarah awal kemunculan filem Melayu. Pelakon filem Melayu terdiri daripada pelakon yang berasal daripada bidang persembahan Bangsawan. Menurut Jins Samsuddin di dalam bukunya yang bertajuk Filem Melayu Citra Budaya dan Rakaman Sejarah (2014), sejarah filem Melayu bermula daripada teater bangsawan. Sejarah awal kemunculan teater bangsawan di Tanah Melayu disebabkan oleh penguasaan Syarikat Hindia Timur dan perjanjian India-Belanda. Pada ketika itu, British telah membawa masuk hiburan-hiburan daripada negara luar seperti Boria, Ronggeng ke negeri Pulau Pinang. Siti Hawa merupakan ahli bangsawan yang pertama menubuhkan kumpulan bangsawan iaitu Indera Bangsawan Kedua.

Pada ketika Tanah Melayu dijajah negara Jepun, mereka mengharamkan segala hiburan berkaitan Melayu dan hanya membenarkan cerita tentang propaganda Jepun di

tayangkan. Selain itu, faktor kewangan juga menyebabkan kemerosotan aktiviti persembahan bangsawan (Rahmah, 1975). Pada perang dunia kedua, rakyat di Tanah Melayu dilihat kurang memberi sokongan kepada persembahan Bangsawan kerana penderitaan yang di alami pada ketika itu sekali gus menambah parahkan prestasi aktiviti Bangsawan sehinggakan persembahan Bangsawan tidak lagi dijalankan. Kemudian, muncul era baru di mana terlahir beberapa buah filem Melayu namun diarahkan oleh bangsa bukan Melayu. Filem Melayu pertama yang diterbitkan adalah di Singapura (ketika itu masih dibawah kawasan Tanah Melayu) iaitu Leila Majnun. Leila Majnun telah diarahkan oleh seorang pengarah daripada India (Hassan Mutalib, 2013). Antara filem yang mempunyai pengaruh Bangsawan adalah terdiri daripada filem yang dihasilkan oleh Tan Sri P.Ramlee seperti Penarik Becha, Semerah Padi dan Pendekar Bujang Lapok (Hassan Mutalib, 2013).

Berikut merupakan kronologi perkembangan industri filem tempatan di dalam buku Hassan Mutalib (2013). Sekitar tahun 1980, karya filem yang dihasilkan pada era ini tidak mempunyai banyak perbezaan dengan era yang lepas. Antara filem yang terkenal pada era ini adalah seperti filem Ranjau Sepanjang Jalan yang diarahkan oleh Jamil Sulong. Filem ini merupakan adaptasi daripada novel Shahnnon Ahmad. Walaubagaimanapun, selepas beberapa tahun filem ini diterbitkan, Shahnnon Ahmad tidak berpuas hati terhadap penghasilan filem ini lalu mengkritikan Jamil Sulong seolah-olah tidak mengerti tentang watak Jeha. Kemudian, filem Bukit Kepong diarahkan oleh Jins Samsuddin. Filem ini diterbitkan untuk pasaukan Polis Di Raja Malaysia bersempena memperingati peristiwa balai polis Bukit Kepong yang telah diserang oleh sekumpulan komunis.

Kemudian beralih pula ke era 1990. Corak filem yang dihasilkan pada era ini lebih berbentuk kepada komedi dan melodrama. Pada era ini juga terdapat kehadiran

pengarah baru seperti Hatta Azad Khan yang menerbitkan filem Mat Som yang di inspirasikan daripada komik Dato' Lat. Kemudian filem sains fiksi yang terkenal arahan Aziz M. Osman iaitu filem XX-Ray. Disebabkan oleh kerana filem ini menggunakan kesan visual dengan baik, filem ini telah dianugerahkan Kesan Visual Terbaik pada tahun 1994 oleh Filem Festival Malaysia.

Pada tahun 2000, jualan CD meningkat dan sangat memberangsangkan. Buktinya filem Aku Kaya telah dijual sebanyak 10,000 salinan. Pada era ini juga Mamat Khalid menghasilkan filem pertama beliau iaitu Lang Buana. Tahun ini juga memberi kredit kepada David Teo apabila filem Syukur 21 mendapat sambutan yang baik di pawagam. Kemudian sekitar tahun 2004, Yasmin menghasilkan filem Sepet di mana filem ini merupakan filem kedua ditayangkan di Singapura selepas filem Dari Jemapoh ke Manchestee. Filem ini telah merangkul anugerah seperti *Best Film* yang dianugerahkan oleh Festival Filem Malaysia ke 18, *Best Asian Feature* dianugerahkan oleh Festival Filem Antarabangsa Tokyo ke 18 dan banyak lagi.

2.2 Filem melambangkan budaya masyarakat

Menurut Nik Safiah (1964), budaya yang ditonjolkan di dalam filem seakan-akan membawa penonton mengenali tentang sejarah dan sosio-budaya sesebuah kelompok masyarakat. Kata kata daripada Rushel Shain di dalam buku Naim Ahmad dipetik:

“Filem merupakan pemaparan tentang sesuatu masyarakat di mana ia menghubungkan budaya, persekitaran, sejarah.”

(Naim Ahmad, 1995, ms. 1-122)

Budaya di dalam filem merupakan representasi nilai hidup, aturan, amalan dan norma dalam sesebuah masyarakat yang diterjemahkan kepada visual yang bergerak (Jins Samsuddin, 2014). Contohnya seperti filem A. Razak Mohaideen seperti filem

Mami Jarum memaparkan kehidupan “orang utara” melalui dialek “utara” yang digunakan serta budaya pemakanan orang utara seperti “nasi kandar” yang memang berasal daripada utara semenanjung. Selain itu, seperti di dalam filem Yasmin Ahmad, beliau sering memaparkan tentang masyarakat berbilang kaum. Ia secara tidak langsung melambangkan Malaysia sebagai sebuah negara terdiri daripada masyarakat majmuk dan kaya dengan pelbagai tradisi.

2.3 Filem dan sastera

Fadli Al-Akiti (2014), di dalam artikelnya yang bertajuk filem sebagai jambatan merakyatkan karya sastera mengulas bahawa filem dan sastera merupakan entiti yang perlu diletakkan dibawah satu payung. Filem dan sastera saling memerlukan antara satu sama lain. Namun begitu, jika dilihat daripada sudut industri tempatan, sastera dilihat terasing dengan bidang filem. Bidang filem seakan-akan mahu berdiri di atas kaki sendiri. Bertolak daripada ini, kajian yang dilakukan oleh John Harrington (1977), menyatakan skrip filem merupakan sebuah kesusasteraan moden. Skrip filem adalah sastera yang terdiri daripada dialog, jenis bahasa yang digunakan. Seterusnya pelakon bertindak sebagai agen untuk menyampaikan makna daripada skrip filem tersebut. Maka dengan itu, di sebabkan oleh perkaitan antara filem dan sastera, pengkaji akan mengaplikasikan teori sosiologi sastera yang akan dibincangkan lebih lanjut pada bab yang seterusnya.

2.4 Filem sebagai senjata propaganda

Filem merupakan sebuah karya yang berbentuk visual dan mempunyai interaksi antara watak. Filem juga mengandungi dialog dan emosi untuk menyampaikan isi cerita yang terkandung di dalam karya tersebut. Menurut Zairil Khir Johari (2015), filem merupakan sebuah medium yang paling erat dengan masyarakat di dalam

menyampaikan moral serta kritikan. Filem juga dapat merangsang minda masyarakat untuk berfikir secara progresif tentang isu sosial yang terjadi di dalam masyarakat. Filem sebagai propaganda politik bukanlah sebuah perkara yang asing di dalam filem industri di Malaysia.

Menurut Hassan Mutalib (2013), di dalam naskah yang bertajuk *Malaysian Cinema In A Bottle* Abu Nawas merupakan antara filem pertama yang diterbitkan pada tahun 1954 di Kuala Lumpur oleh *Malaysia Film Unit* sekarang dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Filem ini berkisar tentang pengganas komunis yang bertindak mengganggu dan menculik kaum Melayu demi mendapatkan maklumat tentang peta yang dihilangkan oleh salah seorang daripada mereka. Walaubagaimanapun filem ini tidak ditayangkan di pawagam oleh kerana hanya bangsa Cina sahaja digambarkan sebagai pengganas komunis. Di samping itu, filem terbitan MFU mensasarkan tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Seajar dengan polisi yang ditetapkan oleh pihak British di mana bangsa Melayu diletakkan di dalam bidang pertanian, bangsa India pula diletakkan di ladang getah dan bangsa Cina sebagai usahawan. Jelas dapat dilihat sini filem sebagai propaganda merupakan senjata yang paling kukuh untuk menginterpretaasi sebuah propaganda menjadi sebuah medium penyampaian maklumat kepada masyarakat.

2.5 Filem sebagai medium dakwah

Filem bukan sahaja di gunakan sebagai senjata propaganda namun filem juga digunakan sebagai medium untuk menyampaikan dakwah. Indonesia merupakan sebuah negara yang kerap menghasilkan filem bergenre Islamik bukan sahaja mendapat sambutan daripada rakyatnya namun turut mendapat sambutan dari penonton di Malaysia. Menurut Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sarkani (2015), Antara filem

berlandaskan Islam mendapat *box office* ialah *Ayat-ayat Cinta* (2008) yang diterbitkan daripada novel tulisan Habiburrahman. Selain itu, filem *Ketika Cinta Bertasbih* (2009) yang di adaptasi daripada penulis novel yang sehingga tercetusnya fenomena di Indonesia.

Berbicara pula tentang perkembangan genre Islam di dalam industri tempatan pula, persoalan dan tema Islam ini sudah lama bertapak di dalam industri filem Malaysia sejak era 1950 an. Filem Allahyarham Tan Sri P Ramlee iaitu *Semerah Padi* merupakan filem yang berlandaskan kerohanian dan ketuhanan. Begitu juga filem seperti *Syukur 21* (2000) dan *7 Petala Cinta* (2012). Namun begitu, industri filem Indonesia lebih dominan menghasilkan filem berunsur ketuhanan berbanding industri filem tempatan.

Penggiat filem Barat juga mengangkat elemen ketuhanan dan penonjolan agama kristian di dalam karya mereka. Menurut Jeniri Anuar (2014), kemunculan genre ini adalah untuk memenuhi tuntutan khalayak yang ingin mencari erti hidup sebenar dari segi kerohanian dan ketuhanan. Filem yang mencapai tahap *box office* adalah filem *The Passion of The Christ* (2014). Selain daripada filem ini, terdapat beberapa buah filem lain yang menggunakan elemen ketuhanan antaranya *Da Vinci Code* (2006), *The Ten Commandments* (1956) dan *2012* (2009).

2.6 Filem Allahyarham Yasmin Ahmad sebagai pemasaran idea kepelbagaian budaya

Filem sebagai alat propaganda bukanlah suatu perkara yang asing. Di bawah pimpinan Vladimir Lenin, Rusia mula mengeluarkan filem-filem propaganda sekitar tahun 1917, diikuti penghasilan filem propaganda oleh pihak Nazi di Jerman. Filem diangkat sebagai sebuah medium untuk menyampaikan mesej atau pesan, dan merupakan sebuah

alat komunikasi massa yang berguna. Di Indonesia, sebuah rang undang-undang telah dibentuk untuk mengangkat filem sebagai “sebuah karya yang mampu membawa pelan strategik yang bagus untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, budaya, bangsa dan negara”.

Di Indonesia juga, Allahyarham Yasmin Ahmad disanjung tinggi sebagai seorang “ejen perubahan” yang menggunakan filem sebagai media sosial untuk memperjuangkan idea kepelbagaian budaya. Rosidah Syaukat dan Ekky Imanjaya (nd) dalam artikel yang bertajuk Film Sebagai Media Social Marketing: Yasmin Ahmad Berjualan Ide Multikulturalisme membincangkan bagaimana tindakan Allahyarham Yasmin Ahmad menerapkan elemen kepelbagaian budaya dalam hampir kesemua filem-filemnya sebagai sebuah langkah untuk mengemas kini isu semasa (iaitu kepelbagaian kaum di Malaysia sendiri) untuk lebih mudah difahami oleh penonton. Syaukat dan Imanjaya juga menambah Allahyarham Yasmin Ahmad layak digelar sebagai seorang “ejen perubahan” yang menggerakkan masyarakat” kerana keteguhan dirinya untuk menjual idea kepelbagaian kaum, di samping penglibatan peribadinya yang membesar dengan pelbagai kaum di Malaysia. Filem-filem beliau diulas sebagai sebuah filem yang berjaya mengangkat elemen kepelbagaian budaya sebagai sebuah berkat dan rahmat yang diberi Tuhan, berbanding memandang ia sebagai sebuah masalah yang berat. Sejujurnya, beliau dipandang tinggi dan diangkat sebagai simbol sosial yang menggerakkan masyarakat di Indonesia kerana galakan dan ajakannya untuk melakukan kebaikan terhadap semua masyarakat tanpa mengira bangsa.

Kata-kata Allahyarham Yasmin Ahmad daripada buku *Yasmin How You Know* dipetik:

“Jika anda percaya dengan kemanusiaan, anda akan mengambil berat tentang semua orang. Orang tua saya, khususnya ibu saya mempunyai sahabat dari semua bangsa. Dia yang mempengaruhi saya untuk melihat masyarakat tanpa warna. Ibu kata, semua manusia adalah manusia, tiada yang berbeza. Jangan sentiasa curiga tentang keburukan mereka.”

(Yasmin Ahmad, 2012, ms. 1-192)

2.7 Kritikan Sosial

Kajian ini adalah berkaitan dengan kritikan sosial terhadap filem *Talentine*. Seperti yang telah dibincangkan di dalam bab 1, kritikan bermaksud ulasan tentang sesebuah karya yang terdiri daripada buku, hasil seni yang membincangkan tentang kebaikan serta kelemahan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017). Menurut Gregorius Brahmasto Putro¹, Aznar Zacky & Heru Dwi Waluyanto (2014), menyatakan bahawa kritik berbentuk nasihat dan pesanan dengan menggunakan kata-kata tajam atau sinis terhadap situasi yang sedang berlaku. Manakala kritikan sosial adalah sebuah bentuk komunikasi masyarakat yang bertujuan menentukan sistem sosial masyarakat (Naila Mufidah, 2014). Namun begitu, kritikan sosial tidak terhad hanya pada ruang yang kecil kesusasteraan sahaja, malahan kritikan sosial boleh juga diaplikasikan terhadap kajian tentang lirik lagu, animasi dan runut bunyi.

Seperti di dalam kajian kritikan sosial yang dilakukan oleh Gregorius Brahmasto Putro¹, Aznar Zacky & Heru Dwi Waluyanto (2014), para pengkaji ini melakukan kritikan sosial terhadap lagu-lagu yang berunsur kritikan terhadap suasana politik dan masyarakat di Indonesia. Melalui pemerhatian mereka, lirik lagu penyanyi Indonesia secara terang-terangan mengkritik ahli politik dan masyarakat di Indonesia. Seperti contoh lagu yang dinyanyikan oleh Iwan Fals yang bertajuk “Surat untuk wakil rakyat”. Bait lirik lagu ini terdiri daripada bait-bait yang sinis dan satira seperti “Suara kami tolonglah dengar lalu sampaikan, jangan ragu jangan takut karang menghadang,

bicaralah yang lantang jangan hanya diam, wakil rakyat seharusnya merakyat, jangan tidur waktu sidang soal rakyat”. Selain itu kumpulan Slank juga mengkritik sifat masyarakat di dalam lagu mereka seperti “Hanya orang bodoh yang membuang sampah ke dalam sungai, hanya orang bego yang membuang kotoran ke dalam kali”. Oleh itu, pengkaji ini menyimpulkan bahawa tujuan lagu ini dicipta adalah untuk mengkritik keadaan politik terkini yang parah serta mengkritik individu atau kelompok masyarakat di Indonesia yang tidak menghormati alam sekitar.

Bidang filem merupakan antara bidang yang lazimnya dikaitkan dengan kritikan sosial. Kajian lepas oleh Galuh Candra Wisesa (2015), tentang kritikan sosial masyarakat urban menerusi filem “Jakarta Maghrib”. Secara ringkasnya filem ini menceritakan tentang kelakuan masyarakat urban di kotaraya Jakarta. Secara kesimpulannya, di dalam kajian ini menemukan empat kritikan sosial iaitu (1) kelas masyarakat (2) agama (3) individualistik (4) modernisme. Antara kritikan beliau ialah tentang masyarakat kelas menengah di Jakarta perlu bekerja lebih keras berbanding kelas atasan dan disebabkan oleh itu mereka tidak mempunyai masa bersama keluarga. Selain itu, pengkaji ini mengkritik masyarakat urban Jakarta yang kurang kesedaran untuk beribadah, kurang pegangan agaman dan memandang enteng tentang perkara ini. Pengkaji ini juga menyentuh tentang sifat individualistik masyarakat urban di Jakarta terutamanya yang tinggal di perumahan *apartment* atau kawasan perumahan elit. Oleh kerana komitmen terhadap pekerjaan mereka cenderung untuk menghindar perkara yang berlaku dalam keadaan sekeliling mereka.

Siapa yang tidak mengenali filem yang begitu hebat di Indonesia, Laskar Pelangi yang pernah menggemparkan Malaysia dengan kehebatan isi ceritanya yang bagus. Namun begitu, filem ini juga tidak terlepas daripada kritikan. Daripada kajian Nanang Martono (2010), mengkritik tentang amalan pendidikan negara Indonesia

menerusi filem *Laskar Pelangi*. Nanang menyatakan bahawa penulis novel ini mempunyai hasrat untuk mengubah corak pendidikan di Indonesia dan begitu uniknya penulis novel ini mengambil pendekatan mengkritik corak pendidikan Indonesia melalui novelnya yang bertajuk “*Laskar Pelangi*”. Pengkaji ini menyimpulkan bahawa kelemahan sistem pendidikan di Indonesia adalah kerana golongan atasan sering diberikan keistimewaan fasiliti sekolah yang sangat eksklusif namun bagi masyarakat golongan bawahan menghadapi kesukaran untuk bersekolah oleh kerana kekurangan dana untuk melancarkan proses pengurusan sekolah. Pengkaji ini menyatakan lagi bahawa sistem pendidikan Indonesia pada ketika itu lebih mementingkan pendidikan sains sehingga meminggirkan pendidikan nilai dan moral sebagai manusia. Disebabkan oleh itu, mereka membeza-bezakan pangkat antara “anak pintar” dan “anak kurang pintar”.

Berbicara tentang ruang lingkup industri filem di Malaysia, filem-filem di Malaysia juga tidak kurangnya dikritik dan dikaji. Antara pengarah filem yang terkenal dengan kritikan terhadap masyarakat adalah seperti Mamat Khalid. Di dalam kajian oleh Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim (2014), mengeluarkan beberapa kritikan sosial di dalam filem *Zombi Kampung Pisang* iaitu kelunturan semangat patriotik, gejala mat rempit, gejala vandalisme serta golongan asing yang menjajah kehidupan orang Melayu. Pengkaji ini menyimpulkan bahawa Mamat Khalid menggunakan elemen jenaka untuk menyampaikan ideologi beliau. Namun begitu, pendekatan yang digunakan agak berkesan kerana kandungan filem ini sarat dengan mesej dan nilai moral yang ingin disampaikan. Filem arahan Mamat Khalid bukanlah jenaka yang sia-sia. Mamat Khalid bijak untuk menyembunyikan kritikan sosial melalui babak-babak yang telah diperhalusi.

Dr. Anuar Arai juga antara pengkritik filem yang terkenal di Malaysia. Beliau telah menerbitkan buku tentang kumpulan esei kritikan filem pada tahun 2007. Analisis kritikan yang rapi telah dilakukan berlandaskan bahasa filem dan menggunakan disiplin teori. Beberapa buah filem telah dikritik oleh beliau namun pengkaji hanya memilih seorang pengarah iaitu Tan Sri P. Ramlee. Beliau mengkritik dari aspek kemasyarakatan, sinematografi dan kepengarahan filem *Semerah Padi*, *Antara Dua Darjat* dan *Ibu Mertuaku*. Kritikan tentang aspek kemasyarakatan terpancar jelas di dalam filem *Semerah Padi*. *Semerah Padi* merupakan filem yang menengahkan tatacara yang tersusun masyarakat Melayu. Filem ini di definisikan sebagai filem “orang Melayu” oleh kerana kehidupan yang disentuh sangat halus. Aspek seterusnya iaitu sinematografi, beliau menyatakan bahawa Tan Sri P. Ramlee mengambil pengaruh daripada pengarah Jepun terkenal iaitu Akira Kurosawa dari segi penataan visual. Dari sudut kepengarahan pula, Dr. Anuar Arai menyimpulkan bahawa Tan Sri P. Ramlee merupakan seorang pengarah yang bekerja keras untuk menghasilkan sebuah filem yang ikhlas dari hati beliau oleh kerana beliau mempunyai prinsip iaitu kecintaan seseorang terhadap sesuatu akan menghasilkan sesuatu yang hebat.

Kajian seterusnya daripada Ngo Sheau Shi & Harith Baharudin iaitu Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam filem Muallaf arahan Yasmin Ahmad (2015). Filem Muallaf telah mencetuskan kontroversi sekitar tahun 2008 menyebabkan filem ini dihalang oleh Lembaga Penapisan filem untuk ditayangkan. Pengkaji ini menyentuh tentang *mise-en-scene* yang digunakan di dalam filem ini dan kemudiannya pengkaji ini mengaitkan antara babak dan kritikan sosial. Secara kesimpulannya, Muallaf merupakan sebuah filem yang memaparkan hujahan pengarah tentang agama Islam daripada perspektif yang berbeza. Pengarah menggunakan bahasa simentik secara ringkas dan minimalis untuk mengetengahkan tentang isu agama Islam yang lebih terbuka. Selain

itu, pengarah juga memaparkan tentang sifat kasih sayang yang mampu menyatukan masyarakat tanpa mengira perbezaan agama.

Seorang pengkritik filem muda iaitu Fadli Al Akiti juga tidak ketinggalan untuk memberikan kritikan terhadap filem Yasmin Ahmad iaitu Rabun dan Sepet di dalam bukunya Tonton Filem (2013). Beliau menyifatkan Rabun sebagai “*Filem Yasmin yang tidak pernah Rabun*”. Fadli Al-Akiti menyatakan bahawa filem ini berjaya membuat beliau keluar daripada “Rabun” seterusnya memanggil beliau untuk membahas tentang filem ini. Filem ini disifatkan sebagai sentuhan “humanisme” oleh Yasmin Ahmad serta berjaya memaparkan isu politik semasa yang digarap penuh kelembutan.

Fadli Al-Akiti menyambung hujahan beliau terhadap filem Sepet. Sekali lagi beliau memberikan tanda aras kepada filem ini seperti filem Rabun iaitu “Sepet: Filem cinta yang luar biasa”. Satu perkataan yang terlintas sejerus menonton filem ini, menyifatkan Yasmin Ahmad seorang yang ‘romantis’. Justeru itu, beliau menyatakan bahawa Yasmin Ahmad mengenalkan kita supaya “Cinta tidak perlu dikenali, kita akan terasa kewujudannya seperti kecintaan kita kepada Tuhan yang satu. Selain itu, beliau menyatakan filem ini membawa ideologi filem Iran di mana permulaan filem ini terdapat frasa Bismillahirrahmannirahim “*Dengan Nama Allah Yang Maha Dikasihi Lagi Maha Mengasihani*”, Yasmin Ahmad seolah-olah memberitahu penonton supaya menghayati filem ini secara *spiritual* oleh kerana bagi Yasmin menonton filem juga adalah ibadah. Yasmin Ahmad juga menggalakkan kita supaya membuang pandangan stereotaip masyarakat Melayu terhadap bangsa-bangsa lain seterusnya menyemai sifat cinta terhadap bangsa bangsa lain.

2.8 Integrasi sebagai kritikan sosial di dalam filem *Talentine*

Talentine merupakan filem terakhir yang dihasilkan oleh Yasmin Ahmad. Sebelum penghasilan filem *Talentine*, Yasmin Ahmad telah menerbitkan beberapa buah filem seperti *Rabun*, *Gubra*, *Sepet*, *Mukhsin*, *Muallaf* dan 12 buah komersial sepanjang hayat beliau. Seperti yang dikenali Yasmin Ahmad merupakan seorang pengarah yang sering menonjolkan kelainan di dalam karya filem-filemnya di mana beliau memberikan nafas baru terhadap industri perfileman tempatan (Shazryn Mohd Faizal, 2009). Di sebabkan oleh itu, filem *Talentine* telah menerima pelbagai reaksi positif daripada penggiat industri filem, wartawan, pengkritik filem serta penonton cetusan daripada penonjolan tentang integrasi kaum yang sangat harmoni.

Shazryn Mohd Faizal (2009) menyatakan bahawa Yasmin Ahmad masih menggunakan formula yang sama di dalam filem *Talentine* iaitu “berwajahkan Malaysia”. Beliau mengulas lagi, dapat dilihat nilai persahabatan yang murni terjalin di antara pelbagai kaum melalui watak Mahesh, Melur, Hafiz dan Ka Hoe. Yasmin Ahmad berjaya menyatupadukan persahabatan antara tiga kaum secara sempurna walaupun mereka semua mempunyai berpegang kepada kepercayaan masing-masing.

Yasmin Ahmad mengulas di dalam artikel manifestasi Yasmin terhadap perpaduan oleh Shazryn Mohd Faizal (2009), beliau mahu mengetengahkan nilai persahabatan yang mampu dijalinkan dengan baik tanpa mengira perbezaan bangsa dan kepercayaan. Namun beliau juga tidak menolak masih terdapat masalah yang terjadi melibatkan antara kaum sehingga mengugat nilai persahabatan yang telah terjalin. Ia berbalik semula kepada diri sendiri untuk mengekalkan hubungan antara kaum yang lain tanpa prejudis.

Tema cinta merupakan tema yang sering digunakan oleh Yasmin Ahmad di dalam karya filem-filemnya. Ian Fadzil di dalam makalahnya yang bertajuk mencerna karya Yasmin Ahmad dalam konteks perkahwinan campur (2017), cinta dan kasih sayang merupakan alat perpaduan menyatukan masyarakat majmuk di Malaysia. Malahan sekali gus telah mempromosikan “wajah Malaysia” di layar filem Malaysia. Yasmin Ahmad menganggap filem-filemnya sebagai sumbangan kepada masyarakat demi memelihara keistimewaan Malaysia yang semakin dilupakan.

Jika menyentuh tentang keperibadian Yasmin Ahmad, Adham Shadan (2009) menghuraikan di dalam makalahnya bahawa Yasmin Ahmad adalah seorang yang menitikberatkan tentang “kemanusiaan”. Selain itu, Yasmin Ahmad turut menyatakan adakala manusia alpa tentang asas-asas kemanusiaan seperti sentiasa melakukan kebaikan tidak mengira kaum dan menerapkan kasih sayang tanpa mengenal agama dan kepercayaan. Bagi Yasmin filem adalah medium yang jitu untuk mengingatkan kepada manusia supaya menjadi “manusia” semula.

2.9 Integrasi masyarakat Malaysia

Masalah integrasi bermula sejak daripada zaman dahulu lagi. Ketika era pemerintahan British kadar kenaikan pendatang asing ke Tanah Melayu semakin meningkat dan sukar di bendung (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010). Beliau mengulas lagi, hal ini oleh kerana keadaan yang mendesak memerlukan tenaga buruh daripada bidang perlombongan dan perladangan. Daripada kajian Comber (2007), akibat daripada ini, sekitar tahun 1931, sebuah bancian telah dilakukan terhadap penduduk di Tanah Melayu. Hal ini sangat membimbangkan kerana bilangan pendatang asing lebih ramai berbanding bilangan orang Melayu.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah mengulas lagi, pada zaman British lagi, isu perkauman ini sangat jelas terlihat di dalam suasana politik sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan. Hal ini jelas dapat dilihat melalui pembentukan Malayan Union yang memberi hak-hak istimewa kepada orang bukan Melayu. Hal ini turut di sokong oleh Abdullah Dhana (2002), menyifatkan politik di Malaysia sebagai komunalisme dan garisan etnik sebagai penentuan di dalam pembentukan politik Tanah Melayu.

Selain itu, faktor yang menyebabkan masalah integrasi masih berlaku di Malaysia adalah kerana kesatuan budaya tidak wujud di kalangan masyarakat pada ketika itu oleh kerana perbezaan budaya, tradisi dan agama. Selain itu, orang Melayu tidak menguasai kuasa ekonomi pada ketika itu oleh kerana kuasa politik terletak pada masyarakat Melayu dan kuasa ekonomi dikuasi oleh masyarakat Cina.

Kajian daripada Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaluddin (2017), masalah integrasi adalah perkara yang normal bagi negara yang pernah dijajah. Antara faktor masih berlaku masalah integrasi ialah akibat daripada pengasingan tempat mengikut etnik. Hal ini menyebabkan pemikiran stereotaip terhadap etnik lain sebagai bertambah.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan banyak tragedi perkauman yang telah berlaku. Antaranya ialah peristiwa 13 Mei 1969 yang telah menggemparkan Malaysia pada suatu ketika dahulu. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan peristiwa rusuhan kaum yang telah mengorbankan banyak nyawa dan harta benda. Lei Mei (2017), menyatakan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 terjadi akibat daripada kesalahfahaman tentang politik di Malaysia.

Oleh itu, rentetan daripada peristiwa 13 Mei 1969 ini sebuah jawatan kuasa telah diwujudkan iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi membentuk dan memupuk semula perpaduan di kalangan masyarakat di Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2017). Menurut KPWK, integrasi perlu dipupuk sejak kecil lagi, agar proses menjadi lebih mudah dan tidak berlaku salah faham terhadap budaya dan kepercayaan etnik lain.

2.10 Kaum dan budaya

Seorang peneliti budaya berpendapat bahawa perkataan budaya adalah berasal daripada perkataan “Abhudaya” (Bakkar 1984). Beliau berpendapat budaya membawa makna sesuatu perkara yang baik, kemajuan, keharmonian yang lengkap. Walaubagaimanapun, perkataan budaya ini telah merentasi sempadan kerana maknanya membawa maksud yang sangat luas (Ogburn, 1964). Disebabkan oleh itu, kesemua peneliti budaya sering membahaskan dan bertelagah tentang makna budaya yang tepat. Walaubagaimanapun mereka bersetuju bahawa budaya membawa sebuah nilai yang penting di dalam kehidupan iaitu nilai norma manusia.

Menurut Kluckhohn dan Kroeber (1952), nilai merupakan tanda aras di dalam sistem budaya. Manakala, Pip Jones di dalam kajiannya *Introducing to Social Theory* (2003), nilai di dalam sistem budaya dimaksudkan dengan sesuatu perkara, aturan, sistem yang penting di dalam sesebuah masyarakat. Ia juga boleh disebutkan sebagai nilai sentral oleh kerana masyarakat akan tunduk pada nilai-nilai itu.

Walaubagaimanapun Hashim Awang menyatakan di dalam bukunya yang bertajuk budaya dan kebudayaan (1988), budaya tidak semestinya menghasilkan budaya yang baik sahaja malahan budaya boleh mencetuskan masalah sosial dan konflik.

Antara masalah sosial yang sering terjadi di dalam masyarakat adalah seperti keganasan, kebencian dan kematian awal. Begitu juga di dalam filem Yasmin Ahmad, konflik ataupun masalah sosial digambarkan di dalam filem *Talentine* adalah perkara yang benar-benar terjadi di dalam masyarakat. Yasmin Ahmad menginterpretasi secara halus peristiwa perkauman yang pernah menggemparkan Malaysia iaitu peristiwa berdarah Kampung Medan yang melibatkan pergaduhan antara kaum Melayu dan India yang terjadi pada tahun 2001. Peristiwa ini merupakan model yang tepat tentang konflik dan masalah sosial yang terjadi di dalam masyarakat yang berbeza fahaman, norma, aturan dan budaya.

Berbicara tentang kepelbagaian budaya di Malaysia membawa kepada penelitian terhadap bagaimana pelbagai budaya ini boleh bertembung. Kajian daripada Roxane Harvey Gudeman (2002) yang bertajuk *Multiculturalism in Malaysia: Individual Harmony, Group Tension* memberi sedikit pencerahan tentang kronologi pembentukan pelbagai budaya di Malaysia. Menurut kajiannya, pertembungan kepelbagaian budaya di Malaysia telah lama wujud, sejajar dengan kegemilangan Melaka dahulu kala. Walau bagaimanapun, pihak British telah mengeruhkan keadaan dengan membentuk model “Tiga Budaya” untuk mengklasifikasikan bangsa di Tanah Melayu. Selepas era penjajahan British berakhir, masyarakat mula membentuk sebuah negara “baru” yang dikenali sebagai Malaysia. Pembentukan negara baru ini menitikberatkan perihal kepelbagaian budaya, dengan penubuhan pelbagai parti politik seperti *United Malay Nationalist Organization* (UMNO), *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIA). Pembentukan Kontrak Sosial dan Rancangan Ekonomi Baru juga adalah untuk menjaga pembentukan kepelbagaian budaya di Malaysia dengan baik.

Kajian Gaik Cheng Khoo (2009) yang bertajuk *Reading the films of independent filmmaker Yasmin Ahmad: Cosmopolitanism, Sufi Islam and Malay subjectivity* dalam buku *Race and Multiculturalism in Malaysia* secara terang-terangan membincangkan tentang isu kepelbagaian kaum dan budaya di Malaysia, sambil mengaitkan mengapa filem-filem Allahyarham Yasmin Ahmad menerima tamparan dan cabaran yang hebat. Menurut Khoo, elemen kepelbagaian kaum dan budaya yang diolah dengan menarik dalam filem-filem Allahyarham Yasmin Ahmad disalah tafsir dan dianak tirikan masyarakat kerana pemaparan “adat” Melayu sendiri. Kecaman hebat diterima kerana Malaysia (pada ketika itu) telah bertukar menjadi sebuah negara neo-Islam, dengan agama Islam dicerna semula untuk bersesuaian dengan industri kapitalisme seperti keinginan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengkaji antarabangsa turut serta mengupas dan menjalankan kajian atas penerapan elemen-elemen kepelbagaian budaya dalam filem Allahyarham Yasmin Ahmad. Ronald Bergan (2009) dalam artikelnya yang bertajuk *Yasmin Ahmad: Malaysian film director unafraid of tackling sensitive subjects* meninggalkan komen bagaimana karya-karya filem Allahyarham Yasmin Ahmad “merefleksikan keragaman budaya dan etnik yang meluas di negaranya, dengan kehidupan dan mimpi-mimpi orang muda”. Hal ini berikutan kerana beliau tidak gentar untuk menentang pandangan etnik yang stereotaip dan secara terbuka melawan masalah rasisme.

Kajian lepas daripada Gareth Richards dan Zawawi Ibrahim (2012) yang bertajuk *Remembering Yasmin Ahmad: Social Criticism and Forgiveness* memaparkan beberapa temu bual yang telah dilakukan dengan Allahyarham Yasmin Ahmad. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, beliau dianggap sebagai seorang pencerita (*storyteller*) terunggul yang hanya ingin menyampaikan sesuatu, untuk tontonan dan hadaman penonton. Richards dan Zawawi mengulas bagaimana penghasilan filem-filem

beliau dipengaruhi oleh pelbagai material; seperti sifat moralnya pada agama Islam, autobiografinya yang tersendiri di mana beliau memiliki pengalaman peribadi tentang elemen kepelbagaian kaum, dan memori daripada keluarganya. Pengkaji Barat mengaitkan keteguhan Allahyarham Yasmin Ahmad memaparkan isu yang sering dianggap “*taboo*” di Malaysia sebagai ‘potret bergerak’ yang memaparkan pandangan, cerita, saksi, atau komen tentang sesuatu yang tidak pernah habis.

Pengkaji muda iaitu Ian Fadzil di dalam karya beliau iaitu *Yasmin Ahmad and her films* (2017), menegaskan Yasmin Ahmad merupakan seorang “*taboo breaker*” di Malaysia. Beliau merumuskan bahawa Yasmin Ahmad mengetengahkan gambaran perpaduan kaum yang berlaku di dalam masyarakat melalui filem dan iklan beliau. Beliau mendedahkan lagi bahawa Yasmin Ahmad mengambil tema percintaan pelbagai bangsa sebagai alat perpaduan kaum. Namun begitu, tema dan genre filem Yasmin Ahmad sering mencetuskan kontroversi kerana penayangan hubungan berlainan bangsa dan budaya yang bersifat liberal dan terbuka (Lee Yuen Beng, 2015). Walaubagaimanapun, Ian Fadzil menyatakan bahawa tujuan utama Yasmin Ahmad menghasilkan filem dan iklan bergenre sebegitu adalah kerana sebagai manusia seharusnya meraikan perbezaan ini (berbilang kaum). Tambahan lagi, Yasmin Ahmad tidak berniat untuk mencetuskan provokasi dari mana mana pihak akibat daripada isu “*taboo*” yang ditonjolkan, malahan Yasmin Ahmad sebenarnya sedang menyemaikan sikap perasaan cinta dan kasih antara berbilang kaum disamping mengangkat perpaduan kaum di Malaysia.

Terdapat kajian yang mendedahkan penerapan elemen kepelbagaian budaya dalam filem-filem Allahyarham Yasmin Ahmad sebagai sebuah melodrama sentimental yang nyata berbeza daripada pembentukan melodrama dalam filem Melayu sebelum ini. Artikel *Seper, Mukhsin and Talentime: Yasmin Ahmad’s Melodrama of the Melancholic*

Boy-in-Love tulisan Norman Yusoff (2011) mendedahkan pembentukan elemen kepelbagaian budaya yang diterapkan dalam filem beliau adalah unsur melodrama baru, berbanding melodrama berbentuk perbezaan kelas atau dipengaruhi melodrama Hindi ketika era 50-an dan 60-an seperti dalam filem *Hujan Panas* (1953), *Penarik Beca* (1955), *Semerah Padi* (1956), *Antara Dua Darjat* (1960), *Sri Mersing* (1961) dan *Ibu Mertuaku* (1962).

2.11 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini membincangkan tentang titik permulaan industri fileman Melayu bermula era sebelum wujudnya “wayang bergerak” dan sehingga tercipta alat mekanikal yang lebih praktikal untuk merakam visual. Kemudian, kehadiran pengarah baru yang merubah corak industri filem tempatan dengan penampilan idea dan gerakan yang lebih segar dan progresif. Sekitar tahun 2000, kehadiran pengarah berjiwa muda seperti Yasmin Ahmad, Mamat Khalid dan ramai lagi telah membuka ruang perbincangan tentang karya-karya yang mereka hasilkan akibat daripada pertengahan idea-idea tabu di dalam filem. Seperti Yasmin Ahmad, beliau dilabelkan sebagai liberal oleh kerana karya-karyanya yang memberi aura negatif kepada masyarakat dan dikatakan mencemarkan budaya. Namun begitu, tidak kurang juga ada yang menyokong hasrat Yasmin untuk menentang pandangan stereotaip masyarakat terhadap bangsa lain. Justeru itu bab seterusnya akan membincangkan secara terperinci tentang metodologi kajian yang akan digunakan untuk menjalani proses analisis kritikan sosial di dalam filem *Talentine*.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Metodologi kajian membantu pengkaji untuk mengisi jurang kajian berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang dibentuk (Othman Talib, 2013). Justeru itu, di dalam bab tiga merupakan perbincangan lanjut tentang proses pelaksanaan kajian ini berdasarkan kerangka teoritis, konsep dan teori, kaedah kajian dan proses analisis data. Secara umumnya di dalam bidang penyelidikan, metodologi kajian terbahagi kepada dua metod iaitu kualitatif dan kuantitatif.

Paradigma kajian ini ialah kualitatif. Kajian ini dijalankan menggunakan elemen pertama sahaja di dalam sosiologi sastera oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat dengan meneliti dari sudut naratif dan pengamatan terhadap dialog di dalam filem *Talentine* (2009).

3.1 Kerangka Teoritis

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih pembentukan teori sosiologi sastera yang telah diwartakan oleh Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir seorang felo penyelidik utama di Universiti Kebangsaan Malaysia. Teori ini dibentuk berdasarkan pemerhatian beliau terhadap beberapa tokoh di dalam bidang kritikan sastera serta bidang sosiologi. Sosiologi sastera sering digunakan untuk mengkritik karya-karya kesusasteraan. Sekitar tahun 1986, Umar Junus antara tokoh yang sering dikaitkan dengan sosiologi sastera. Beliau telah menggariskan beberapa hal yang penting di dalam hal kritikan sastera. Begitu juga Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd Tahir, beliau telah menggariskan tiga

prinsip untuk pengkaji menilai karya sastra. Menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir, teori sosiologi sastra merupakan:

“Satu jalur pemahaman ‘sosiologi sastra’ dalam sastra Melayu moden dapat dilihat pada tulisan yang mengandaikan sosiologi sastra sebagai gambaran masyarakat seperti yang diserlahkan oleh teks sastra.”

(Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2003, ms. 7)

Begitu juga Umar Junus di dalam bukunya yang bertajuk Sosiologi Sastra Persoalan Teori dan Metode (1986), beliau melontarkan ideologi yang sama iaitu karya sastra adalah cerminan masyarakat mengikut garis masa yang tertentu. Selain itu, Umar Junus menyatakan karya sastra adalah sebagai dokumentasi sosiobudaya masyarakat tertentu. Maka dengan itu, beliau memberikan contoh sebuah karya terkenal daripada penulis Indonesia iaitu Armijn Pane di dalam novelnya yang bertajuk *Belenggu*, di mana simbolik “telefon” sebagai melambangkan kemodenan. Selain itu, pendekatan ini juga boleh mengambil “tema” cerita sebagai sebuah penilaian. Seperti contoh, beliau mengambil karya *Malin Kundang* dan memecahkan kepada tiga tema besar iaitu sikap derhaka anak kepada orang tua khusus ibunya, anak yang tidak mengenali ibunya serta perpisahan antara ibu dan anak yang terlalu lama. Oleh itu, dengan menggunakan penilaian terhadap tema dapat mewujudkan hubungan yang erat antara sastra sebagai dokumen sosiobudaya serta gambaran masyarakat di dalam karya sastra. Maka dengan itu, pengkaji akan menerangkan lebih lanjut tentang konsep teori sosiologi sastra yang diutarakan oleh Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd Yahir pada sub- topik yang seterusnya.

3.2 Konsep dan teori

Menurut Ungku Maimunah (2003), di dalam konteks sastera melayu sosiologi sastera dilihat mempamerkan sudut pandangan yang unik dan berbeza. Walaubagaimanapun, di dalam dunia kesusasteraan, setiap pengarang mempunyai ideologi yang berlainan tentang sosiologi sastera. Namun begitu, ideologi pengarang bukan perkara yang hendak dibincangkan di dalam kajian ini malahan yang lebih penting adalah tentang ilmu sosiologi sastera berlandaskan prinsip yang telah beliau gariskan. Justeru itu, prinsip di dalam teori ini akan digunakan dan diaplikasikan oleh pengkaji untuk menganalisis kritikan sosial menerusi filem *Talentine* (2009) karya Yasmin Ahmad. Terdapat tiga prinsip utama di dalam pembentukan teori sosiologi sastera oleh Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd Tahir. Maka dengan itu, rajah dibawah akan menerangkan secara ringkas tentang teori beliau:



Rajah 1: Teori Sosiologi Sastera

Di dalam penerangan ini, pengkaji akan menerangkan lebih lanjut tentang tiga prinsip utama di dalam pembentukan teori sosiologi sastera oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir. Tiga prinsip tersebut terdiri daripada (1) sosiologi sastera sebagai

gambaran masyarakat, (2) sosiologi sastera sebagai kritikan teks dan konteks, (3) sosiologi sastera sebagai penilaian paradigma tertentu.

3.2.1 Sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat (SSSGM)

Prinsip pertama iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat menerangkan tentang realiti masyarakat yang digambarkan oleh pengarang lalu menterjemahkan situasi realiti masyarakat di dalam karya teks sastera. Ungku Maimunah mengulas lagi sastera sebagai cerminan masyarakat adalah sebuah istilah yang sering digunakan dan dianggap sebagai lumrah di dalam konteks kritikan sastera. Oleh kerana itu, pengkritik tempatan sering menggunakan tajuk-tajuk yang sangat sinonim di dalam ruang lingkup sosiologi sastera seperti “Gambaran masyarakat dalam Novel ABCD: Satu kajian sosiologi sastera atau yang lain “Novel Si Polan: Satu tinjauan masyarakat” (Ungku Maimunah, 2003).

Ungku Maimunah berpendapat sastera dan masyarakat mempunyai hubungan yang sangat erat. Maka dengan itu, beliau melambangkan masyarakat sebagai bahan mentah dan merupakan pendorong terpenting untuk proses penghasilan sebuah karya sastera. Oleh itu, Ungku Maimunah memecahkan masyarakat kepada beberapa kumpulan iaitu masyarakat kontemporari, masyarakat silam, masyarakat semasa perang, masyarakat bandar, masyarakat desa. Beliau menerangkan kebiasaannya di dalam sastera masyarakat moden di gambarkan sebagai kelompok manusia berpersonaliti menarik, suka bergaya dan kaya budi pekerti. Mekanala masyarakat desa pula sering digambarkan sebagai masyarakat yang bertani, pegangan agama yang kuat, kepercayaan yang kuat terhadap tradisi masing-masing, serta nilai kesantunan yang tinggi.

Selain itu, sosiologi sastra boleh menggunakan elemen-elemen penceritaan seperti latar masyarakat, watak dan perwatakan, naratif, dialog yang mehidupkan karya sastra tersebut. Tambahan lagi, sosiologi sastra juga boleh menyentuh tentang dua aspek lain iaitu tema dan struktur. Bagi struktur ia merangkumi stail atau teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang seperti simbol, plot dan sudut pandangan. Manakala tema pula terdiri daripada tema moral, politik, ekonomi dan sebagainya. Elemen-elemen di atas adalah untuk membuktikan sejauh mana pengarang menggambarkan realiti masyarakat. Adakah gambaran yang diberi bertepatan dengan realiti masyarakat sebenar?

Akhir sekali, sosiologi sastra sebagai gambaran masyarakat boleh juga mengambil faktor luaran yang tidak berkaitan dengan kesusasteraan seperti latar belakang pengarang merangkumi latar belakang pendidikan, sejarah hidup dan apa-apa maklumat yang tidak bersangkut paut dengan sastra.

3.2.2 Sosiologi sastra sebagai kritikan teks dan konteks (SSSKTDK)

Di dalam ruang lingkup ini pula, kritikan terhadap teks dan konteks adalah lebih terbuka, oleh kerana kritikan ini mengambil daripada faktor-faktor luar. Erti kata lain, kaitan antara sastra dan masyarakat dari perspektif yang berlainan. Selain itu, prinsip ini tidak tertumpu kepada teks sahaja namun turut memberi fokus dari segi konteks. Abdul Rahman Embong (1967) menyatakan bahawa di dalam karya sastra keberangkalan keadaan sosial pengarang telah memberikan pengaruh terhadap isi cerita, bentuk dan aliran dalam penghasilan karya. Selain itu, antara faktor luar yang mungkin memberikan pengaruh terhadap karya adalah dari segi faktor ekonomi dan politik.

Ungku Maimunah berpendapat pula, dalam penghasilan sebuah karya sastranya tidak tertumpu kepada proses peribadi pengarang sahaja malahan ia turut melibatkan proses yang tidak terbatas. Oleh kerana sastranya dihasilkan berdasarkan persekitaran tertentu, faktor luar juga memberi pengaruh dalam penghasilan karya. Maka dengan itu, Ungku Maimunah melontarkan buah fikiran yang sama dengan Abdul Rahman Embong dimana faktor luar terdiri daripada (1) Ideologi, (2) Ekonomi, (3) Budaya, (4) Norma/Aturan, (5) Ciri-ciri sastranya. Penilaian sastranya menggunakan prinsip ini, boleh diukur melalui kreativiti karya tersebut. Namun begitu, penilaian boleh juga dilakukan dari segi teks dan konteks iaitu menilai dari segi falsafah yang diangkat di dalam karya tersebut. Seperti Ungku Maimunah, beliau mengambil pendekatan falsafah Islam di dalam karya-karyanya beliau.

3.2.3 Sosiologi sastranya sebagai penilaian paradigma tertentu (SSSPPT)

Bagi prinsip ini pula, beliau mengutarakan bahawa karya sastranya bukan sahaja terikat pada masyarakat, teks dan konteks malahan karya sastranya juga menjerumus kepada fahaman pengarang terhadap konteks masyarakat serta takdir masyarakat akibat daripada peranan kuasa-kuasa besar di dalam penentuan takdir. Secara tuntasnya, penghasilan karya sastranya juga akan berkaitan dengan peranan kuasa pemerintah di dalam menentukan nasib masyarakat.

3.3 Metodologi kajian

Buku *Methods of Social Research* (2007), pengarang Kenneth Bailey telah menerangkan metodologi sebagai sebuah andaian dalam membuat ulasan terhadap sesebuah penyelidikan, ataupun kriteria yang akan digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul, mentafsir dan membuat kesimpulan pada sesebuah data. Bahagian ini akan menghuraikan tentang metodologi kajian. Pengkaji menggunakan elemen pertama di

dalam sosiologi sastera oleh Ungku Maimunah iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat serta kaedah temu bual.

3.4 Sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat (SSSGM)

Kajian ini hanya akan menggunakan satu prinsip sahaja dalam sosiologi sastera iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat. Melalui prinsip ini, Ungku Maimunah telah menggariskan beberapa prinsip penting iaitu karya sastera adalah berkait rapat dengan masyarakat, ia merupakan cerminan kepada masyarakat. Kedua, sosiologi sastera boleh disentuh melalui elemen-elemen penceritaan seperti latar masyarakat, watak dan perwatakan, naratif, dialog yang menghidupkan sesebuah karya sastera. Prinsip yang ketiga iaitu sosiologi sastera boleh mengambil faktor luar yang tidak berkaitan dengan sastera seperti latar belakang pengarang, pendidikan pengarang, sejarah hidup dan apa sahaja maklumat yang tidak berkaitan dengan kesusasteraan.

Oleh itu, kajian ini akan menyentuh tentang kritikan terhadap sosiologi masyarakat untuk membuktikan realiti masyarakat sebenar dengan mengambil dua aspek utama iaitu integrasi kaum dan integrasi, budaya. Hal ini oleh kerana dua aspek ini dilihat merupakan aspek paling menonjolkan yang dilontarkan oleh Yasmin berdasarkan pengamatan pengkaji. Analisis tentang kritikan sosial filem *Talentine* akan memberikan fokus kepada pengamatan naratif dan dialog serta berpandukan sumber rujukan yang berkaitan.

3.5 Kaedah temu bual

Tujuan kaedah temu bual di jalankan adalah untuk menyokong prinsip di dalam sosiologi sastera iaitu sosiologi sastera boleh mengambil faktor luar daripada sastera seperti latar belakang pengarang, pendidikan dan apa sahaja maklumat yang tidak

mempunyai perkaitan dengan sastera. Temu bual di jalankan secara intensif bersama informan seperti ahli produksi filem *Talentine* dan pelakon filem *Talentine* yang pernah terlibat di dalam kehidupan dan kerjaya Yasmin Ahmad.

3.6 Proses analisis data

Secara ringkasnya, pengkaji akan menganalisis data melalui proses yang akan diterangkan dibawah:

- I. Menjalankan temubual secara intensif bersama ahli produksi filem *Talentine* dan pelakon filem *Talentine*.
- II. Mengumpul dan mengenalpasti semua bahan kajian seperti buku, jurnal, disertasi, majalah, artikel, surat khabar, sumber dari jaringan internet seperti *YouTube* berkaitan dengan kajian kritikan sosial, integrasi, karya serta keperibadian Yasmin Ahmad.
- III. Menganalisis naratif dan dialog filem *Talentine* secara kritis di dalam konteks kritikan sosial berdasarkan dua aspek yang dipilih oleh pengkaji iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya.
- IV. Menyimpulkan kritikan sosial berdasarkan dua aspek yang dipilih oleh pengkaji iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya dengan berlandaskan prinsip pertama teori sosiologi sastera iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat (SSSGM).

3.7 Kesimpulan

Melalui kajian-kajian lepas pengkaji mendapati kurang penelitian medium filem dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Kajian-kajian yang terdahulu lebih banyak mengaplikasikan teori sosiologi sastera terhadap karya sastera seperti novel, cerpen dan sebagainya. Sementelahan pula, teori ini digolongkan dalam kajian sastera. Namun, pengkaji memilih teori ini dengan melihat struktur cerita serta pengamatan terhadap dialog sebagai pengkaedahannya. Justeru itu, kajian ini akan menyatukan teori sosiologi sastera dan filem sebagai medium utama.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini mengemukakan hasil penganalisan kajian yang berdasarkan teori sosiologi sastra di dalam konteks integrasi kritikan sosial tentang integrasi melalui filem *Talentine* (2009). Pengkaji memilih satu prinsip sahaja di dalam sosiologi sastra iaitu sosiologi sastra sebagai gambaran masyarakat untuk menganalisis kritikan sosial di dalam filem *Talentine* (2009).

Oleh itu, bab ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kritikan sosial di dalam filem *Talentine* dengan mengambil aspek integrasi yang telah digarap dengan harmoni oleh sutradara Yasmin Ahmad di dalam filem *Talentine* berdasarkan pengamatan terhadap naratif dan dialog.

4.1 Integrasi sebagai kritikan sosial di dalam filem *Talentine* (2009)

Talentine seperti filem-filem Yasmin terdahulu, ia membawa mesej-mesej yang sarat tentang semangat perpaduan di Malaysia. Filem *Talentine* menerapkan nilai-nilai tentang kemasyarakatan dan kemanusiaan. Justeru itu, melalui kajian kritikan sosial di dalam filem *Talentine* pengkaji memilih sebuah aspek besar iaitu integrasi. Melalui aspek integrasi pengkaji memecahkan kepada dua buah aspek iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya.

Melalui dua aspek ini iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya pengkaji mendapati bahawa berlaku proses kesatuan antara berbilang bangsa yang ditonjolkan di dalam filem *Talentine*. Pada permulaan cerita, *Talentine* menonjolkan pengenalan terhadap watak-watak yang ternyata berbilang bangsa dan kepercayaan namun

disatukan di dalam sebuah institusi kekeluargaan dan dapat dilihat proses persilangan budaya yang terjalin antara tiga etnik utama di Malaysia. Di sebabkan oleh kesatuan tiga etnik yang ditonjolkan di dalam filem *Talentine* pengkaji mendapati bahawa ia membentuk sebuah suasana yang sejahtera di dalam ruang cakup masyarakat majmuk di Malaysia. Maka dengan itu, analisis kajian ini akan menghuraikan secara terperinci kritikan sosial dengan mengambil aspek integrasi kaum dan integrasi budaya yang ditonjolkan di dalam filem *Talentine*.

4.2 Integrasi kaum di dalam filem *Talentine* (2009)

Melalui integrasi kaum pengkaji memecahkan kepada tiga sub-topik iaitu nilai kekeluargaan berbilang kaum dan kepercayaan, nilai percintaan berbilang kaum dan nilai persahabatan berbilang kaum. Ketiga-tiga nilai ini dapat dilihat dengan jelas di dalam filem *Talentine* berdasarkan peranan watak, elemen penceritaan, naratif dan dialog di dalam filem ini dan proses komunikasi yang berlangsung secara harmoni dan indah.

4.2.1 Nilai kekeluargaan berbilang kaum

4.2.1.2 Keluarga Melur

Sebagai maklum integrasi merupakan usaha untuk membentuk sebuah identiti yang melambang sesebuah negara. Yasmin merupakan sutradara yang sering mengaitkan perpaduan kaum di dalam setiap karyanya. Seperti di dalam filem *Talentine*, Yasmin menonjolkan tiga buah keluarga yang mempunyai kepercayaan serta membawa ideologi yang berbeza-beza. Namun begitu, perbezaan ini tidak sekali menghalang tiga buah keluarga untuk menjalani kehidupan bersama-sama di dalam suasana yang sejahtera.

Melur lakonan Pamela Chong merupakan watak yang memainkan peranan yang penting di dalam filem *Talentine*. Melur merupakan seorang pelajar sekolah yang berumur lingkungan 18 tahun oleh kerana terdapat petikan dialog daripada seorang cikgu yang mengatakan Melur adalah pelajar tingkat enam atas. Jika dilihat watak dan perwatakan Melur, Melur mempunyai sosok wajah kacukan Melayu-Inggeris dan “dialek” yang digunakan oleh Melur juga menandakan bahawa Melur berasal daripada keluarga yang berkahwin campur. Yasmin mempunyai cara tersendiri untuk membawa penonton mengenali setiap watak di dalam filem nya. Pengenalan kepada keluarga Melur dimulakan dengan sebuah babak mereka sekeluarga sedang menikmati sarapan pagi. Keluarga Melur disifatkan sebagai sebuah keluarga yang bercampur-campur dan menerapkan pelbagai budaya dan ragam bahasa di dalam keluarga mereka. Buktinya melalui babak ini:



Gambar 1: Pengenalan keluarga Melur

Babak ini merupakan titik pengenalan keluarga Melur. Babak ini menerangkan Melur mempunyai tiga orang adik beradik perempuan yang mempunyai sosok wajah kacukan. Mawar (sebelah Melur) mempunyai wajah seakan-akan Cina-Melayu manakala Melati (sebelah mak Melur) mempunyai sosok wajah Melayu-Inggeris.

Manakala mak Melur lakonan Mislina Mustaffa mempunyai sosok wajah Melayu asli yang sering dilihat di Malaysia. Bapa Melur iaitu Harith Iskandar, mempunyai sosok wajah Inggeris kacukan. Kemudian, terdapat sosok tubuh seorang wanita Cina iaitu Mei Ling yang sedang menghadirkan air kepada Melur sekeluarga. Mei Ling merupakan “pembantu rumah” kepada Melur sekeluarga.

Ian Fadzil (2017), di dalam kajiannya menyatakan perkahwinan merupakan salah satu cara untuk menyatupadukan kaum di Malaysia. Di dalam filem *Talentine* Yasmin memperjuangkan aspek perkahwinan berlainan bangsa dan kepercayaan. Seperti yang dapat dilihat di dalam keluarga “rojak” Melur. Bapanya adalah kacukan Melayu-Inggeris, manakala maknya adalah berbangsa Melayu dan Melur mempunyai seorang nenek yang berasal daripada England. Yasmin telah mencampurkan semua kaum menjadi satu adunan lalu hasilnya membentuk sebuah institusi keluarga yang melihat masyarakat tanpa warna. Perkahwinan campur keluarga Melur dapat dilihat melalui babak dibawah dimana terdapat sosok tubuh wanita tua dengan dialek Inggeris yang pekat serta pembantu rumah berbangsa Cina iaitu Mei Ling.



Gambar 2: Keluarga Melur sedang makan bersama-sama

Perkahwinan campur tidak sedikit pun memberi halangan serta mewujudkan perasaan sangsi kepada mereka sekeluarga untuk menjalani kehidupan di dalam sebuah rumah. Terdapat pelbagai perbezaan dapat dilihat melalui babak ini iaitu perbezaan bahasa, perbezaan agama serta gaya hidup. Namun, mereka sekeluarga meraikan perbezaan tersebut di atas meja makan menandakan bahawa mereka menerima dan meraikan perbezaan antara mereka. Hal ini diteruskan dengan definisi perkahwinan. Menurut Sarjit S. Gill (2001), perkahwinan ialah hubungan antara sepasang lelaki dan wanita yang di sahkan sebagai suami isteri dan di sahkan dari segi undang-undang. Masyarakat moden mahupun masyarakat tradisional juga tidak terlepas daripada perkahwinan. Walaubagaimanapun, jika dilihat senario biasa di dalam masyarakat mereka cenderung untuk memilih pasangan dari kumpulan etnik yang sama yang di istilahkan sebagai "*endogamous*" (Sanusi Osman, 1981). Sanusi menghuraikan lagi, perkawinan berlainan etnik sangat jarang berlaku di Malaysia hal ini kerana ia dianggap melanggar norma perkahwinan sejagat. Ahli sosiologi mengatakan bahawa perkahwinan campur adalah ujian yang paling penting di dalam membentuk perpaduan kaum.

Perkahwinan campur boleh ditakrifkan sebagai ikatan antara dua pasangan yang berlainan agama, kaum dan kewarganegaraan (Johari Yap, 2015). Ketika zaman kesultanan Melayu Melaka telah berlaku perkahwinan antara kaum Melayu dan kaum Cina iaitu di antara Sultan Mansur Shah dan Puteri Hang Li Po. Perkahwinan ini terjadi oleh kerana atas sebab mengeratkan hubungan diplomatik antara Melaka dan negara Cina. Hang Li Po telah datang ke tanah Melaka bersama pengiring wanita seramai 500 orang dan menetap di Melaka pada tahun 1458 (Tan Chee Beng, 1988). Akibat daripada proses asimilasi ini, pengiring berbangsa Cina telah berkahwin dengan masyarakat tempatan dan mewujudkan keturunan Baba dan Nyonya atau dikenali sebagai Peranakan.

Johari Yap (2015), mengulas lagi di dalam artikelnya yang bertajuk “Lebih Baik Kahwin Campur”, perkahwinan campur dapat mengeratkan hubungan di antara kaum yang berbeza-beza. Perkahwinan campur boleh melahirkan generasi yang berfikiran lebih terbuka dan sedia menerima perbezaan kepercayaan, bahasa dan agama di dalam sesebuah kelompok. Selain itu, perkahwinan campur antara dua kaum yang berbeza akan memberi pengetahuan yang baru berkenaan adat dan tradisi sesuatu kaum. Jelas di sini bahawa, perkahwinan campur dapat membentuk kesefahaman antara dua kaum berbeza dan membentuk sebuah keluarga yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan tradisi.

Yasmin sebagai sutradara dilihat melakukan percubaan yang baik apabila beliau dengan bersahaja menangkis pemikiran masyarakat Melayu tentang perkahwinan campur melanggar norma perkahwinan sejagat. Hal ini kerana masyarakat Melayu tidak cenderung untuk memilih pasangan daripada etnik yang lain kerana faktor agama (Sanusi Othman, 1981). Faktor agama ini juga disokong oleh pernyataan daripada Pue Giok Hun (2015), perkahwinan campur akan menimbulkan konflik terutamanya apabila melibatkan faktor agama.

Apabila melihat semula keluarga Melur yang begitu “unik”, mereka hidup harmoni berdasarkan cara mereka berinteraksi dan gaya hidup yang di amalkan. Seperti hujahan di atas, perkahwinan campur tidak digalakkan atas dasar agama. Hal ini bertentangan di dalam filem *Talentine*. Mak lakonan Mislina Mustaffa tidak melupakan tanggungjawabnya terhadap agama dan seorang penganut agama Islam. Terdapat babak kelihatan Mak memakai telekung dan menunaikan solat seperti yang dituntut di dalam agama Islam. Selain itu, dari segi pembawakan Mak sebagai wanita Melayu pula, di dalam *Talentine* Mak sering memakai baju kurung dan pada pengakhiran cerita ini Mak memakai baju kebaya. Ini membuktikan bahawa Mak masih mengekalkan kesopanan di

dalam berpakaian dan mengamalkan gaya hidup yang tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Melur juga tidak melupakan asal usulnya yang berasal daripada etnik Melayu. Melur dilihat sering memakai baju kurung ketika menghadiri *rehearsal* pertandingan *Talentine*. Persamaan yang dapat dilihat melalui kedua dua watak ini iaitu Mak dan Melur ialah mereka berdua masih mengekalkan nilai tradisi Melayu walaupun sudah menerima nilai-nilai baru di dalam kehidupan mereka. Pemakaian baju kurung di dalam filem ini juga melambangkan personaliti Yasmin yang gemar memakai busana tradisional ini. Hal ini di sokong oleh Mohammad Arif Nizam Abdullah (2006), melalui temu bual yang dilakukan terhadap Yasmin pemakaian busana tradisional yang menjadi pilihannya untuk kemana-mana sahaja. Ternyata baju kebaya pendek berwarna putih dan baju kurung Johor bersulam menjadi pilihannya. Mohammad Arif Nizam Abdullah menyimpulkan tindakan Yasmin untuk memakai busana tradisional seperti kebaya harus diberikan penghormatan kerana Yasmin masih mengekalkan nilai budaya bangsa.

Berbicara pula tentang perkembangan pemakaian “baju kurung” di Tanah Melayu. Sebelum perang dunia kedua, wanita muslim di Tanah Melayu telah mengenakan pakaian baju labuh, sarung dan tudung kepala (Utusan Zaman, 1940). Erti kata lain ia boleh di takrifkan sebagai baju kurung telah di gunapakai oleh wanita Muslim di Tanah Melayu sebelum perang dunia kedua. Baju kurung merupakan pakaian harian wanita Muslim di Tanah Melayu oleh kerana ianya dianggap sopan dan bersesuaian dengan agama Islam (Nazirah Lee, 2014).

Namun begitu, sekitar tahun 1998, pemakaian baju kurung di kalangan remaja sedikit berkurangan oleh kerana remaja lebih gemar untuk memakai *tshirt* dan *jeans*. Hal ini kerana faktor pengaruh kemunculan *trend* fesyen dari negara luar menyebabkan budaya pemakaian baju kurung semakin berkurangan (Nor Aziah Jaafar, 1998). Walaubagaimanapun, pemakaian baju kurung masih di amalkan tetapi cuma pada majlis-majlis tertentu sahaja.

Oleh itu, di dalam filem *Talentine*, Yasmin telah membuktikan bahawa perkahwinan campur tidak semestinya akan memberikan keburukkan kepada keluarga atau individu tersebut. Malahan perkahwinan campur tidak sedikit merubah imej seseorang ataupun merubah tradisi mereka melainkan pilihan daripada individu tersebut. Buktinya melalui watak Mak beliau sukar untuk melupakan tradisi Melayu dan masih mengekalkan tradisi Melayu di dalam keluarganya. Malahan dapat dilihat bapak yang berbangsa kacukan menerima tradisi Melayu di dalam kehidupannya dan begitu juga dengan watak Mei Ling.

Perbincangan tentang proses integrasi kaum di dalam keluarga Melur diteruskan dengan petikan dialog di bawah:

Granny: *Dim sum for dinner, interesting idea.*

Mak: *Let's get started, huh?*

Abah: *Hor d'oeuvres.*

Mawar: *Its Or d'oeuvres lah abah.*

Granny: *Your father knows that dear.*

Abah: *Im just horsing around *horse sound**

Melalui petikan dialog di atas dapat dilihat keluarga Melur tidak kekuk untuk makan bersama-sama neneknya yang berbangsa Inggeris walaupun mereka mempunyai perbezaan kepercayaan dan agama. Hal ini kerana menurut Yuan Wang (2000), falsafah

cina mengatakan makan merupakan falsafah hidup dan makan bersama-sama adalah cara yang paling tepat untuk menjalinkan persahabatan dan mengeratkan hubungan tali persaudaraan. Selain itu, dapat juga dikatakan keluarga Melur menangkis pemikiran stereotaip terhadap bangsa lain. Stereotaip adalah pemikiran yang buruk ataupun tanggapan yang buruk terhadap sesuatu ataupun seseorang.

Jika melihat dari sudut jenis bahasa yang diguna pakai oleh keluarga Melur. Mereka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ataupun jenis bahasa ini di istilahkan sebagai bahasa “rojak”. Ia dapat dibuktikan melalui petikan dialog dibawah:

Mei Ling: *Tu la, I dah cakap kan jangan makan benda-benda berminyak.*

Degil.

Mawar: *You are what you eat .*

Melalui petikan dialog ini dapat dibuktikan bahawa Melur sekeluarga tidak hanya tertumpu untuk menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi namun mereka menerima dengan terbuka untuk bertutur di dalam bahasa Inggeris. Ini dapat dibuktikan bahawa keluarga Melur telah menerima proses integrasi yang terjadi di dalam keluarganya. Ia seiring dengan situasi yang terjadi di Malaysia yang gemar menggabungkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di dalam sesuatu frasa. Pernyataan ini disokong oleh Mohamad Azlan Mis (2017), yang menyatakan bahawa bahasa rojak adalah sangat lazim digunakan di dalam masyarakat di Malaysia tidak mengira suku kaum, peringkat sosial serta ianya juga giat digunakan melalui medium filem dan kormersial. Kajian daripada Su'ad Awad (2007) pula menghuraikan bahawa “bahasa rojak” adalah gambaran pertuturan yang sebenar di kalangan masyarakat di Malaysia.

Bahasa rojak ialah peralihan kod bahasa campur kepada kod yang lain (Asmah, 2007). Selain itu, Mohamad Azlan Mis (2017), menyatakan bahawa rojak adalah kehadiran bahasa asing selain bahasa yang dituturkan di dalam sesuatu frasa. Ianya sering digunakan sama ada pertuturan di antara kaum berbeza ataupun ianya sering

digunakan di dalam filem dan di dalam sesebuah pekerjaan. Namun begitu, penggunaan bahasa rojak sering mendapat kecaman yang hebat daripada pelbagai pihak yang melabelkannya sebagai meminggirkan bahasa Melayu. Selain itu, penggunaan bahasa rojak adalah melambangkan kecelaruan pemikiran masyarakat (Hassan Ahmad, 2009). Masyarakat seolah-olah tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu asli dan cukup selesa menggabungkan bahasa asing dan bahasa kebangsaan ketika bertutur.

Di sebalik kecaman ini, kita tidak dapat menolak percampuran bahasa bermula sejak pemerintahan kesultanan Melayu Melaka di tanah Melayu yang secara terbuka menerima kepelbagaian budaya, bahasa dan kepercayaan (Salleh Hashim, 2012). Hal ini terjadi kerana negeri Melaka merupakan sebuah pelabuhan yang pesat membangun. Oleh kerana kejayaan pemerintahan kesultanan Melayu Melaka serta kedudukan Melaka yang strategik ia telah menarik ramai pedagang daripada pelbagai negara yang mempunyai kepelbagaian bahasa. Pada tahun 1511 sebanyak 84 bahasa telah dituturkan di wilayah tersebut.

Jika dilihat konteks penjajahan yang berlaku di Tanah Melayu, penjajahan British dan Jepun di Tanah Melayu juga telah menyebabkan bermacam-macam jenis bahasa semakin menular di kalangan masyarakat pada ketika itu. Penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris semakin giat digunakan apabila British menubuhkan sekolah-sekolah Inggeris yang muridnya terdiri daripada kalangan anak Melayu. Disebabkan oleh ini, penggunaan bahasa yang bercampur di kalangan masyarakat amat sulit untuk dielakkan.

Di dalam konteks filem *Talentine*, keluarga Melur menggunakan bahasa rojak untuk berinteraksi antara satu sama lain. Pada firsat pengkaji, penggunaan bahasa rojak akan memudahkan komunikasi antara pelbagai kaum terutamanya keluarga Melur

kerana dikurniakan keluarga yang “unik” terdiri daripada pelbagai etnik iaitu Melayu, Inggeris dan Cina serta latar belakang bahasa ibunda yang berbeza. Selain itu, Yasmin sebagai sutradara ternyata mahu memaparkan keadaan sebenar ketika masyarakat di Malaysia berkomunikasi antara satu sama lain. Hal ini disokong daripada kajian Khoo Gaik Cheng (2009), yang menyatakan bahawa Yasmin antara sutradara yang memperjuangkan ideologi kemanusiaan dan nilai-nilai bersama merentas perbezaan etnik di Malaysia. Secara kesimpulannya, penggunaan bahasa rojak adalah salah satu alternatif untuk berkomunikasi antara kepelbagaian etnik dan latar belakang yang berbeza supaya proses integrasi kaum menjadi lebih mudah dan secara tidak langsung dapat menyatukan kepelbagaian etnik di Malaysia di dalam satu masyarakat.

Secara kesimpulannya, Yasmin sebagai sutradara telah berjaya memupuk integrasi kaum di kalangan ahli keluarga Melur. Walaupun mereka mempunyai perbezaan dari segi gaya hidup, bahasa serta kepercayaan. Namun, perbezaan di antara mereka tidak menjadikan jurang untuk hidup bersama di dalam sebuah institusi kekeluargaan. Selain itu, dapat dilihat sikap yang dipupuk di dalam keluarga ini ialah sikap memahami antara satu sama lain serta bertolak ansur tentang perbezaan masing-masing. Justeru itu, kerjasama daripada masyarakat serta ahli keluarga akan menangkis tanggapan stereotaip masyarakat terhadap perkahwinan campur serta memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

4.2.1.3 Keluarga Mahesh

Keluarga Mahesh di sifatkan sebagai keluarga yang suram. Mahesh dikurniakan seorang ibu yang mempunyai pemikiran stereotaip. Amma (ibu Mahesh) mempunyai pandangan stereotaip terhadap kaum lain. Amma menghalang bapa saudaranya (Ganesh) untuk berkahwin dengan wanita yang dicintai oleh kerana wanita tersebut adalah berbangsa

India-Muslim. Namun begitu, Mahesh dikurniakan bapa saudara (Ganesh), kakak (Bhavani) dan seorang makcik (Vimala) yang mempunyai pemikiran moden dan tidak rasis terhadap kaum lain.

Pada permulaan naratif filem ini, Amma tidak mengetahui tentang perhubungan anaknya Mahesh dan Melur seorang yang berbangsa Melayu kerana Mahesh khuatir untuk berkongsi bersama keluarganya. Namun begitu, bapa saudaranya Ganesh menyatakan bahawa Mahesh seharusnya mengahwini orang yang di cintainya dan tidak mengikut kehendak emaknya. Dapat dibuktikan di sini bahawa Ganesh mempunyai pemikiran yang terbuka berbanding kakaknya. Begitu juga Mahesh, apabila dia menyukai seorang wanita Melayu menandakan bahawa Mahesh lebih terbuka untuk menerima perbezaan agama di dalam kehidupannya. Vimala mak saudara Mahesh juga mempunyai pemikiran yang terbuka. Dari sudut perwatakan Vimala, Vimala seorang berfikiran moden kerana Vimala dengan bersahaja menghisap rokok di hadapan Amma. Membuktikan bahawa Vimala tidak terikat dengan pemikiran tradisional seperti Amma. Manakala Bhavani pula sama seperti yang lain, berfikiran terbuka terhadap kaum lain. Walaubagaimanapun Bhavani menghormati pemikiran emaknya. Melalui pemikiran mereka, dapat dikatakan bahawa Ganesh, Mahesh, Bhavani dan Vimala cuba untuk memecahkan dinding penghalang antara Melayu dan India. Proses integrasi kaum telah berlaku di dalam keluarga Mahesh namun mereka harus menerima wanita yang disayangi mempunyai pemikiran stereotaip terhadap bangsa lain.

Pemikiran stereotaip Amma terus disogokkan dengan peristiwa yang terjadi kepada Ganesh apabila Ganesh telah dibunuh di dalam sebuah tragedi rusuhan kaum iaitu tragedi Kampung Medan. Tragedi Kampung Medan pernah menggemparkan Malaysia pada suatu ketika dahulu. Ia tercetus pada 8 Mac 2001. Penduduk Kampung

Medan terdiri daripada 70% bangsa Melayu, 20% kaum India dan 10% kaum Cina. Tragedi Kampung Medan merupakan pertelingkahan antara kaum Melayu dan kaum India. Pada peringkat awal ia merupakan pergaduhan sebilangan kecil namun lama lama kelamaan ia telah menyebabkan pergolakkan antara kaum (Ang Hiok Gai, 2006).

Menurut Amir Muhammad (2009), punca tragedi Kampung Medan berlaku ekoran terdapat dua bentuk majlis di jalankan secara serentak di dalam sebuah kawasan. Majlis tersebut adalah majlis perkahwinan yang dijalankan orang Melayu dan majlis pengebumian yang dijalankan oleh kaum India. Konflik bermula apabila seorang individu berbangsa India telah bertindak di luar jangkauan serta tidak menghormati majlis perkahwinan tersebut. Disebabkan oleh itu, berlaku pergaduhan antara kaum Melayu dan kaum India. Lebih menambah parahkan lagi keadaan apabila seramai 200 orang turut serta di dalam pergaduhan tersebut namun 200 orang tersebut bukan merupakan penduduk Kampung Medan. Mereka dipercayai penduduk luar dari Kampung Medan. Ang Hiok Gai (2006) menghuraikan lagi, faktor lain yang menyebabkan keadaan semakin parah apabila sekumpulan manusia berbangsa India telah memukul seorang warga Indonesia Madura menyangka individu tersebut adalah kaum Melayu. Disebabkan hal ini, sekumpulan kaum Madura turut serta di dalam tragedi berdarah ini. Tragedi Kampung Medan menyebabkan 29 orang cedera. Antaranya ialah 22 orang India, 3 orang berbangsa Melayu, seorang rakyat Indonesia, seorang rakyat Bangladesh dan seorang rakyat Pakistan. Akibat tragedi ini telah mengorbankan 6 orang nyawa yang terdiri daripada 5 orang India dan seorang rakyat Indoensia (Ang Hiok Gai, 2006).

Renteten daripada tragedi ini telah menyebabkan pemikiran stereotaip Amma terhadap kaum Melayu semakin menebal ekoran kematian adiknya, Ganesh dan

ditambah pula kisah silam Ganesh yang pernah menjalinkan hubungan dengan wanita India-Muslim yang diterangkan melalui babak ketika Amma menceritakan kisah Ganesh kepada Bhavani selepas kematian Ganesh. Pergolakkan dan konflik di dalam keluarga Mahesh tidak berhenti setakat di situ, Mahesh mengalami masalah untuk memberitahu Amma tentang perasaan cinta terhadap Melur seorang yang berbangsa Melayu oleh kerana bimbang terhadap penerimaan emaknya terhadap perhubungan ini.

Namun Mahesh harus menerima hakikat lambat atau cepat Amma akan mengetahui perhubungannya dengan Melur. Pada suatu malam, Mahesh tidak pulang ke rumah dan bermalam di rumah keluarga Melur. Pada malam tersebut juga Amma dan Bhavani telah berusaha mencari Mahesh. Akhirnya Bhavani menemukan Mahesh di rumah keluarga Melur. Pada ketika ini, konflik yang terjadi di dalam keluarga Mahesh semakin memuncak oleh kerana Mahesh bimbang tentang tanggapan Amma tentang hubungannya dengan Melur.

Sebaik sahaja Mahesh pulang ke rumahnya, Amma begitu marah kepada Mahesh oleh kerana Amma sudah mengetahui hubungan Mahesh dengan Melur seorang gadis berbangsa Melayu. Secara tidak langsung, perasaan trauma terhadap kehilangan Ganesh berputik kembali. Namun begitu, di sebalik konflik yang terjadi ketika itu, Mak Melur telah menawarkan diri untuk menerangkan situasi yang berlaku kepada keluarga Mahesh. Pada ketika ini dapat dilihat bahawa, keinginan Mak untuk membetulkan keadaan yang telah melanda anaknya Melur dan juga Mahesh. Selain itu, dapat dilihat di sini bahawa Mak tidak bersikap prejudis dan diskriminasi terhadap keluarga Mahesh. Malahan, Mak cuba untuk menyatukan Melur dan Mahesh walaupun Mak sedar bahawa mereka berdua memiliki banyak jurang di dalam perhubungan.

Melalui pemerhatian pengkaji, Yasmin cuba untuk mengubah persepsi kaum India terhadap kaum Melayu akibat daripada peristiwa berdarah yang melibatkan kaum India dan kaum Melayu yang pernah menggemparkan Malaysia suatu ketika dahulu. Pemerhatian Yasmin terhadap isu ini begitu jelas. Buktinya melalui kemurnian Mak seorang wanita yang berbangsa Melayu, menerima dengan terbuka terhadap anaknya yang mempunyai hubungan dengan lelaki berbangsa India. Selain itu, dapat dilihat juga tindakan Mak untuk membetulkan keadaan yang terjadi antara Mahesh, Amma dan Melur. Yasmin di sini cuba untuk membuang kebencian antara etnik di Malaysia dan memupuk lebih ramai mempunyai sifat cinta dan menghormati antara satu sama lain. Secara kesimpulannya, setiap tindakan sama ada menjerumus kepada kebaikan mahupun keburukkan adalah bergantung kepada nawaitu individu tersebut bukan kerana bangsa semata-mata.

4.2.1.4 Nilai percintaan berbilang kaum

Sutradara Yasmin sangat terkenal dengan elemen cinta dan kasih sayang di dalam karya-karyanya. Melalui pemerhatian pengkaji, Yasmin menyemarakkan sifat cinta sesama manusia tanpa mengenal bangsa dan kepercayaan, sifat cinta kepada keluarga dan cinta kepada tuhan yang satu mengikut kepercayaan sesuatu etnik tersebut. Pendekatan sifat cinta dan kasih sayang yang ditonjolkan oleh Yasmin melambangkan peribadi Yasmin yang sebenar. Hal ini juga disokong melalui pernyataan daripada Alvinology (2008), di mana Yasmin cenderung untuk meletakkan pengalaman peribadi di dalam filem-filemnya.

Menyentuh tentang sifat cinta dan kasih sayang sesama manusia, dapat dilihat melalui kehidupan Yasmin yang berkahwin dengan bekas suami yang pertama berbangsa India-Muslim. Selepas diceraikan Yasmin berkahwin dengan seorang lelaki

berbangsa Cina yang bernama Tan Yew Leong (Alvinology, 2008). Jadi tidak hairanlah mengapa Yasmin sering menonjolkan tentang sifat kasih sayang sesama tanpa mengenal bangsa dan kepercayaan. Ianya juga bertitik tolak kepada teori yang digunakan oleh pengkaji dimana latar belakang pengarang juga memainkan peranan yang penting di dalam penghasilan sesebuah karya. Melalui temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama Sharifah Amani, beliau mengatakan bahawa Yasmin adalah seorang yang peramah dan Yasmin secara bersahaja menegur individu yang tidak dikenali. Sebagai hasilnya, Yasmin mempunyai ramai sahabat dari semua bangsa.

Yasmin mengulas di dalam temu bual bertajuk *Yasmin The Storyteller* beliau mempunyai satu prinsip di dalam kehidupan iaitu “*be good to your parents*”. Hasilnya filem pertama Yasmin yang bertajuk Rabun adalah tentang ibu bapanya iaitu Mak Inom dan Pak Atan. Ulas beliau lagi, inspirasi filem Rabun adalah disebabkan Pak Atan sedang sakit dan pada firasat beliau melalui penghasilan filem ini dapat mengurangkan penyakit Pak Atan. Ternyata berhasil, penyakit yang dialami oleh Pak Atan semakin berkurangan selepas Yasmin membawa Pak Atan dan Mak Inom ke Itali kerana filem tersebut tercalon di negara tersebut. Sambung Yasmin lagi menyatakan bahawa filem Rabun adalah untuk menzahirkan rasa kasih dan sayang beliau kepada ibu bapanya.

Begitu juga filem Sepet. Filem Sepet diinspirasi daripada keadaan kesihatan Mak Inom yang mempunyai penyakit jantung bengkak dan berair. Pada ketika itu, Sepet telah memenangi pelbagai anugerah di luar negara iaitu negara Perancis dan Tokyo. Sepanjang Yasmin membawa Sepet ke serata dunia, Yasmin telah membawa Mak Inom bersama-sama. Akibat daripada penghasilan filem ini, jantung Mak Inom kembali normal seperti biasa. Yasmin menyimpulkan lagi bahawa, sebagai anak seharusnya

menyenangkan hati ibu bapa supaya setiap yang dilakukan di dalam kehidupan dirahmati oleh Allah S.W.T.

Berbicara pula tentang cinta. Secara amnya, cinta adalah bersifat universal. Cinta tidak semestinya hubungan antara lelaki dan wanita malahan lebih daripada itu. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017), mentakrifkan cinta sebagai:

“Perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada (negara, orang tua, kebebasan), perasaan atau berperasaan ingin sesuatu, atau perihal bercinta antara lelaki dan perempuan.”

(Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017)

Cinta boleh juga diibaratkan sebagai perasaan sayang terhadap sesuatu ataupun rasa yang menarik hati. Galang Surya Gumilang (2016), mendefinisikan cinta adalah kesatuan yang terbit antara dua pihak maka secara tidak langsung ianya akan melengkapi antara satu sama lain. Cinta memainkan peranan yang sangat penting di dalam kehidupan manusia. Daripada perasaan cinta maka akan membentuk institusi kekeluargaan, perkahwinan, zuriat dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama manusia. Daripada landasan cinta, ia akan menzahirkan perasaan cinta kepada tuhan yang satu melalui ibadah dan menuruti serta meninggalkan laranganNya.

Cinta melibatkan dua insan adalah perkara yang sering terjadi di kalangan manusia. Cinta antara dua insan membangkit rasa ingin bersama, sentiasa bertolak ansur ketika dilanda masalah serta menukarkan panggilan nama kepada nama yang lebih mesra. (Sarlito W. Sarwoona, 2009). Cinta juga melibatkan tanggungjawab yang telah diberikan kepada seseorang. Contohnya seperti tanggungjawab seorang ibu kepada anaknya. Oleh kerana perasaan cinta dan kasih kepada anak, seorang ibu boleh menjaga anak sehingga dewasa.

Di dalam filem *Talentine*, konsep cinta yang dizahirkan oleh Yasmin ialah cinta sesama manusia. Melalui rasa cinta Yasmin menyuntik rasa kesatuan antara manusia. Sebagai contoh, hubungan percintaan antara dua orang pelajar sekolah yang berlainan agama iaitu Mahesh berbangsa India dan Melur berbangsa Melayu. Saat pertama mereka bertemu adalah apabila Mahesh ditugaskan oleh cikgu Adibah iaitu pengerusi pertandingan bakat *Talentine* untuk menjemput Melur di rumah bagi menghadiri pertandingan bakat *Talentine* di sekolah. Selain itu, Mahesh ditugaskan untuk menghantar surat pemilihan Melur sebagai salah seorang peserta untuk pertandingan bakat *Talentine* ke rumah Melur.

Bermula daripada pertemuan pertama dan seterusnya perasaan cinta dan kasih kian berkembang antara mereka. Perasaan suka dan kasih Melur terhadap Mahesh bermula daripada petikan dialog antara Melur dan Melati:

Melur: *Eh budak yang hantar surat Talentine semalam tu handsome kan?*

Melati: *Patutlah dia pakai make up hari ni. Kan dalam surat dah kata dia yang akan hantar kak Lur.*

Melur: *Tak lah. Pergi rehearsal kena la ranggi sikit.*

Pada peringkat awal percintaan, Melur tidak mengetahui Mahesh adalah seorang yang bisu sehinggakan Melur merasakan Mahesh terlalu biadap kerana tidak mengendahkan setiap percakapannya. Rasa amarah Melur pada Mahesh terhenti apabila Hafiz memberitahu kepada Melur bahawa Mahesh adalah seorang yang bisu. Buktinya melalui petikan dialog ini:

Hafiz: *Melur, eh, Melur. There's something you should know Melur.*

Melur: *What?*

Hafiz: *I think you should know that Mahesh is pekak. Well I should say speech and hearing impaired.*

Selepas sahaja daripada insiden ini, hubungan antara Melur dan Mahesh semakin erat oleh kerana Melur sudah mengetahui kekurangan yang terdapat di dalam diri Mahesh. Dapat dikatakan di sini, kuasa cinta dapat mengatasi segala-galanya. Kuasa cinta dapat mengisi segala kekurangan yang terdapat di dalam sesebuah perhubungan. Seperti contoh adalah perbezaan agama dan kepercayaan dan Mahesh seorang yang bisu. Walaupun begitu, Mahesh dan Melur sedia untuk menerima hakikat bahawa kepercayaan dan kekurangan yang terdapat di dalam diri Mahesh namun kuasa cinta telah meleraikan segala sangkaan buruk dan pandangan.

Selain itu, hubungan cinta Mahesh dan Melur diterima baik di dalam keluarga Melur. Oleh kerana ahli keluarga Melur terdiri daripada kepelbagai bangsa iaitu Melayu-Inggeris-Cina maka keluarga Melur tidak mempunyai masalah untuk menerima hubungan Melur dan Mahesh. Pada babak ini telah membuktikan bahawa keluarga Melur telah menerima secara terbuka terhadap hubungan cinta mereka apabila Mahesh ingin menjemput Melur untuk ke *rehearsal* pertandingan *Talentine* lalu *granny* menjemput Mahesh untuk masuk ke rumah:



Gambar 3: Keluarga Melur meraikan kedatangan Mahesh

Melalui babak ini juga dapat membuktikan bahawa bukan sahaja *Granny* malahan Mak dan Mei Ling juga tidak menghalang hubungan percintaan mereka. Ianya dapat dibuktikan melalui petikan dialog antara Mei Ling, Mak dan Melur ketika di dapur untuk menyediakan minuman untuk Mahesh:

Mak: *Hey Mei Ling, boyfriend anak kita handsomeya.. Macam Amir Khan.*

Mei Ling: *Anak kita pun boleh tahan apa.*

Mak: *Boleh tahan apa ke bendanya, bontot leper, tetek kecil.*

Melur: *Mak...*

Mei Ling: *Part tetek tu macam mak dia.*

Mak: *Eh hello excuse me. I punya 36 B okay.*

Mei Ling: *Alah, padding.*

Percintaan antara Mahesh dan Melur bukan sahaja diterima baik oleh keluarga Melur namun ianya turut mendapat reaksi positif daripada Bhavani dan Ganesh. Di dalam sebuah babak di mana Bhavani sedang tidur dan Mahesh mengejutkan Bhavani daripada tidur. Berdasarkan reaksi positif dari Bhavani, ternyata Bhavani tidak menghalang percintaan Mahesh dengan seorang gadis Melayu. Malahan Bhavani turut bertanyakan gerangan wanita yang Mahesh cintai.

Selain itu, perasaan cinta dan sayang Mahesh terhadap Melur turut didorongi oleh bapa saudaranya iaitu Ganesh. Sebelum kematian Ganesh akibat peristiwa yang tragis, Ganesh menggalakkan anak saudaranya, Mahesh untuk memilih pasangan yang dicintai dan tidak mengikut kehendak emaknya. Walaupun pemikiran Ganesh ditentang oleh Jeyanthi namun tidak sedikit membataskan Mahesh untuk mencintai seorang wanita Melayu. Selepas kematian Ganesh, Mahesh membuka emel yang dikirim oleh Ganesh kepada Mahesh. Kandungan emel adalah berupa nasihat Ganesh kepada Mahesh supaya mengikut kata hati dengan memilih wanita yang dia cintai dan tidak

menjadi seperti Ganesh yang menyesal tidak berkahwin dengan wanita pilihannya atas dasar halangan dan pemikiran stereotaip Jeyathi. Sejak daripada itu terdetik di hati Mahesh untuk menceritakan kepada Bhavani tentang perasaan Mahesh terhadap Melur.

Seperti yang pernah di ulas pada bahagian nilai kekeluargaan, percintaan antara Mahesh dan Melur ditentang hebat oleh emaknya. Hal ini oleh kerana menurut Amir Muhammad (2009), apabila Amma mendapat tahu kehilangan Mahesh pada malam itu adalah disebabkan Mahesh bermalam di rumah keluarga Melur dan bukannya mati, Amma merasakan bahawa dia akan kehilangan Mahesh dengan cara yang berbeza. Namun begitu, tentangan yang diterima oleh Mahesh tidak sedikit pun merubah perasaan cinta dan kasihnya kepada Melur. Pada saat konflik berlaku antara Mahesh dan Amma, Mahesh tidak sedikit pun memarahi Amma kerana berfikiran stereotaip terhadap Melur dan keluarganya, malahan beliau menghormati kemarahan ibunya terhadap hubungan mereka. Namun begitu, Mahesh mengatakan kepada Amma supaya mengajarnya untuk melupakan Melur.

Perjalanan cerita cinta ini telah menyebabkan keterbukaan minda yang menghasilkan perpaduan di antara keluarga Melur dan Mahesh. Dapat dibuktikan di sini bahawa kuasa magis cinta telah menyebabkan penyatuan hati dan penyatuan kaum di dalam sesebuah masyarakat. Hal ini disokong melalui hujahan Ian Fadzil (2017), yang menyatakan bahawa Yasmin menggunakan tema cinta sebagai alat perpaduan. Hujahan ini turut di sokong oleh Tang Chee Yee (1993), tradisi dan budaya adalah diwarisi secara turun temurun. Namun dengan kuasa cinta dapat memberikan kesan terhadap penyatuan dua tradisi dan kepercayaan di dalam sesebuah kelompok masyarakat.

4.2.1.5 Nilai persahabatan berbilang kaum

Penyatuan integrasi kaum juga dapat dilihat melalui ikatan persahabatan yang terjalin antara kepelbagaian bangsa (Rabiatul Adawiyah Koh Abdullah, 2006). Di dalam konteks filem *Talentine*, ikatan persahabatan yang paling menonjol adalah ikatan persahabatan antara cikgu Anuar seorang guru Melayu dan cikgu Tan seorang guru berbangsa Cina. Ikatan persahabatan antara mereka berdua terbentuk dalam keadaan yang sejahtera di sebuah sekolah kebangsaan yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India.

Rabiatul Adawiyah Koh Abdullah (2006), menghuraikan bahawa persahabatan antara pelbagai kaum, kepercayaan, tradisi dan agama bukanlah sesuatu yang pelik di Malaysia. Justeru itu, ia selaras dengan negara Malaysia yang mempunyai kepelbagaian budaya, tradisi dan agama bermula daripada kesultanan Melayu Melaka. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia setakat tahun 2016, jumlah penduduk di Malaysia berjumlah 31.7 orang. Setiapnya mewakili 62.5% terdiri daripada Melayu, diikuti etnik Cina 23.4% dan 7.0 % mewakili etnik India.

Di dalam konteks filem *Talentine*, Yasmin menonjolkan nilai persahabatan antara Melayu dan Cina dan ianya dapat dilihat melalui persahabatan antara cikgu Anuar dan cikgu Tan. Pada permulaan filem ini, Yasmin menonjolkan penyatuan dua kaum berbeza iaitu antara cikgu Anuar dan cikgu Tan dengan menggunakan dialog-dialog berunsur humor. Pada minit 03:04 menunjukkan sebuah babak di mana Cikgu Tan sedang bercakap dengan cikgu Anuar berkaitan pertandingan bakat yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan diketuai oleh cikgu Adibah.

Persahabatan yang erat antara cikgu Anuar dan cikgu Tan dapat dilihat melalui tindakan cikgu Anuar yang cuba untuk menyesuaikan diri dengan slanga bahasa yang

digunakan cikgu Tan. Cikgu Anuar menggunakan bahasa slanga yang sering digunakan oleh kaum Cina di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan dialog berikut:

Cikgu Anuar: *Eh friend masalah negara lah friend. Itu Cikgu Adibah aa organize itu Talentime. Talentime, Talentime la Talentime.*

Cikgu Tan: *Nafas busuk aa.*

Cikgu Anuar: *Tadi dia suruh beberapa guru pergi cabut undi. So gua pergi cabut. Mana kertas ada tulis perkataan IN. Dia kena ambil bahagian tau. So gua pergi cabut, gua punya kertas ada tulis perkataan IN. Masalah lah, gua kena ambil bahagian lah.*

Cikgu Tan: *Fuh. Bagus lah. Awak perform aku boleh ketawa you.*

Cikgu Anuar: *Kepala hotak lu lah. Tapi aa, gua sudah cakap sama dorang tau. Lu sama gua akan buat itu performance.*

Cikgu Tan: *Eh mana saya tahu buat performance. You jangan libatkan saya. Saya tak mau buat.*

Cikgu Anuar: *Eh Tan, come on Tan. Dalam sekolah you satu orang je saya punya best friend. Boleh la Tan. Sporting sikit lah.*

Cikgu Tan: *Eh awak syok dengan itu Cikgu Adibah aa, awak nak impress dia jangan libatkan saya okay. Saya tak tahu buat persembahan aa.*

Cikgu Anuar: *Kita practice sama. Kita rehearsal hari-hari. Kalau gua sorang-sorang gua nervous.*

Daripada petikan dialog di atas, dapat dilihat cikgu Anuar menggunakan bahasa slanga Cina-Melayu iaitu perkataan seperti “gua”, “lu” yang sering digunakan oleh masyarakat Cina. Hal ini merupakan titik temu integrasi kaum antara cikgu Tan dan cikgu Anuar sudah terjalin. Bersangkutan dengan hal ini ia juga menandakan bahawa cikgu Anuar mempunyai sifat toleransi dengan menggunakan bahasa slanga yang bersesuaian dengan cikgu Tan. Ironinya, masyarakat Malaysia sememangnya cenderung untuk menggunakan bahasa slanga antara satu sama lain oleh kerana Malaysia terdiri daripada bentuk ragam bahasa, tradisi dan latar belakang berbeza (Ian Fadzil, 2017).

Selain itu, proses integrasi kaum antara cikgu Anuar dan cikgu Tan dapat dilihat melalui sikap tolong menolong antara satu sama lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui babak di bawah:



Gambar 4: Cikgu Tan dan cikgu Anuar menjemput Melur di rumah

Babak ini menceritakan tentang cikgu Tan dan cikgu Anuar sedang menjemput Melur di rumah oleh kerana Mahesh tidak berkesempatan untuk menjemput Melur pada hari tersebut. Hal ini oleh kerana sebuah tragedi telah terjadi melibatkan keluarga Mahesh. Selain itu, sikap tolong menolong antara mereka dapat dilihat apabila Cikgu Tan bersetuju untuk melakukan persembahan bersama-sama cikgu Anuar di dalam pertandingan bakat *Talentine*.

Secara kesimpulannya, persahabatan yang terjalin antara cikgu Anuar dan cikgu Tan adalah hasil pemikiran Yasmin yang menginginkan rasa kesatuan yang perlu berlaku dalam masyarakat Malaysia. Tanpa rasa curiga dan prejudis terhadap agama dan bangsa, Yasmin telah meletakkan simbol bahasa slanga sebagai rasa toleransi yang cukup kuat yang ada dalam masyarakat Melayu. Watak cikgu Anuar yang berbahasa slanga dengan cikgu Tan telah membuktikan bahawa Melayu ini sungguh mesra bangsanya. Begitu juga penonjolan perwatakan humor cikgu Tan yang begitu bersahaja bergurau dengan cikgu Anuar tanpa ada sedikit pun rasa kekok dan canggung. Hal

sedemikian kerana, cikgu Tan boleh memahami rentak gurauan yang boleh menimbulkan rasa akrab di antara sesama mereka. Oleh itu, jelas kelihatan Yasmin telah berjaya menonjolkan rasa perpaduan yang sangat harmoni di dalam situasi masyarakat majmuk di Malaysia.

4.3 Integrasi Budaya

Aspek seterusnya yang akan disentuh oleh pengkaji ialah integrasi budaya yang ditonjolkan oleh Yasmin di dalam filem *Talentine*. Sebagai maklum integrasi adalah penyatuan dua kaum atau lebih di dalam sebuah kelompok masyarakat. Manakala budaya ialah sesuatu susun atur tentang cara hidup masyarakat yang kekal dan digunakan bersama-sama dengan masyarakat yang lain (Ralph Linton, 1947). Melalui kajian Suwardi Endraswara (2006) merumuskan konsep budaya yang diketengahkan oleh Kroeber dan Kluckhohn budaya adalah terdiri daripada adat istiadat, kesenian, hukum dan peraturan.

Oleh itu, penulisan kertas projek ini akan menyentuh tentang integrasi budaya yang ditonjolkan oleh Yasmin menerusi filem *Talentine*. Penonjolan integrasi budaya dapat dilihat jelas melalui watak Mei Ling yang dilakon oleh Tan Mei Ling. Tan Mei Ling merupakan pembantu rumah berbangsa Cina yang menetap bersama-sama keluarga Melayu. Amir Muhammad (2009), menyatakan Mei Ling merupakan seorang mualaf yang kehilangan suami dan anak-anak bertahun-tahun yang lalu.

Pada permulaan filem ini, Yasmin tidak menonjolkan secara jelas kepada penonton bahawa Mei Ling merupakan seorang mualaf. Mak Melur mempunyai seorang kawan baik iaitu Datin Kalsom lakonan Ida Nerina. Jika melihat personaliti Datin Kalsom, pembawakan Datin Kalsom lebih kepada wanita yang moden. Namun

begitu, Datin Kalsom sangsi terhadap kehadiran Mei Ling di dalam keluarga Melur.

Dapat dibuktikan melalui petikan dialog di bawah:

Datin Kalsom: *You know I can't never get over that you have a Cina person cook for you.*

Namun begitu, sebaik sahaja Datin Kalsom meluahkan rasa sangsi tentang Mei Ling, Melur dan Melati memberikan kata-kata sinis kepada Datin Kalsom yang mempunyai sikap rasis terhadap bangsa lain. Secara jelas di sini, Yasmin telah mengkritik masyarakat yang sering melontarkan rasa rasis terhadap bangsa lain. Walhal, keluarga Melur telah menerima secara terbuka kehadiran Mei Ling di dalam keluarga mereka.

Kemudian, babak seterusnya mendedahkan tentang Mei Ling adalah seorang Mualaf. Seperti biasa, Datin Kalsom sering melontarkan rasa sangsi terhadap Mei Ling kepada Mak Melur. Melalui petikan dialog di bawah Mak menjelaskan bahawa Mei Ling adalah seorang Mualaf. Ternyata Datin Kalsom kelihatan sedikit tersentak apabila mengetahui Mei Ling seorang Mualaf dan menunaikan solat seperti penganut agama Islam yang lain.

Datin Kalsom: *How long does Mei Ling stay in your house everyday?*

Mak: *Dia datang lepas solat Subuh. Kemudian lepas solat Maghrib dia balik lah rumah dia.*

Datin Kalsom: *Mei Ling dah start solat?*

Harith: *Ya. She's muslim.*

Datin Kalsom: *Oh my god, I didn't know that.*

Perbualan ini mendedahkan tentang Mei Ling adalah seorang mualaf. Mualaf ialah panggilan yang diberikan kepada golongan yang baru sahaja memeluk agama Islam (Irwan et al., 2015). Individu daripada berbangsa Cina, India dan lain-lain yang

memeluk Islam diistilah sebagai golongan “Mualaf” (Syarul Azman et al., 2016). Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang berlaku kepada golongan Mualaf ini yang telah didedahkan oleh Syarul Azman et al., diantaranya ialah golongan mualaf mempunyai masalah dengan pihak keluarga yang khuatir mereka (mualaf) akan melupakan tradisi, keturunan mereka yang terdahulu. Di sebalik itu, golongan Mualaf juga harus bersedia untuk berkahwin dengan saudara Muslim sahaja. Masalah seterusnya yang di ulas oleh Syarul Azman et al., (2016), ialah golongan mualaf tidak mendapat sokongan daripada keluarga dan majikan hingga menyebabkan golongan ini kehilangan sumber wang dan dibuang kerja.

Apabila berbicara tentang masyarakat Islam di Malaysia, ia sering dikaitkan dengan etnik Melayu secara majoriti adalah bergama Islam. Begitu juga apabila Mualaf memeluk Islam ianya secara tidak langsung memerlukan mereka mengadaptasi cara hidup masyarakat Melayu di dalam kehidupan mereka (Syarul Azman Shahrudin & Razaleigh Muhamat, 2014). Namun begitu, golongan Mualaf harus didedahkan tentang perbezaan agama Islam dan budaya Melayu kerana hal ini merupakan dua aspek yang berbeza iaitu “budaya” dan cara hidup sebagai seorang muslim yang sejati.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Syarul Azman dan Razaleigh Muhamat terhadap tahap kefahaman, penerimaan, integrasi golongan mualaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu di negeri Selangor (2014), majorititi golongan Mualaf memahami tentang budaya masyarakat Melayu dengan mewakili 59.1% menjawab setuju. Golongan Mualaf ini juga bersetuju bahawa budaya Melayu masih relevan untuk diamalkan oleh semua golongan pada masa kini dengan mewakili 48.8% menjawab setuju.

Melihat watak Mei Ling, Mei Ling tidak mempunyai masalah untuk mendalami budaya Melayu dan juga Islam. Mei Ling diterima baik oleh keluarga Melur buktinya melalui layanan yang berikan keluarga Melur terhadap Mei Ling. Mei Ling sudah dianggap seperti ibu mereka sendiri dimana Mei Ling menjadi tempat untuk meluahkan perasaan Mawar apabila bergaduh dengan Melur. Buktinya melalui petikan dialog di bawah:

Mei Ling: *Ni apa pasal pulak ni? Gaduh sama kak Lur la ni?*

Mawar: **merehatkan kepala di bahu Mei Ling**

Selain itu, Mei Ling berperanan untuk mendidik adik-beradik mereka terutama Melur. Mei Ling menyatakan perasaan sangsinya terhadap kelakuan Melur yang keluar lebih awal untuk ke *rehearsal* pertandingan *Talentine*. Mei Ling merasakan Melur melakukan perkara yang buruk. Perasaan sangsi dan risau yang membelenggu diri Mei Ling terhadap Melur tercetus apabila Mei Ling memarahi Melur duduk berdua-dua bersama Mahesh di hadapan murah. Buktinya melalui petikan dialog di bawah:

Mei Ling: *Melur, Melur. Mari sini sekejap. Gua nak cakap sama lu.*

Melur: *Aunty tak balik lagi?*

Mei Ling: *Sudah solat ke belum? Berjalan sampai Maghrib. Keluar sama budak jantan.*

Melur: *Kan ada rehearsal. Lagipun gua tak boleh solat lah.*

Situasi di atas membuktikan bahawa Mei Ling memainkan peranan yang baik di dalam mendidik Melur. Watak dan perwatakan Mei Ling dan Mak adalah berlainan dengan watak dan perwatakan Mak. Hal ini oleh kerana jika melihat watak Mak, wanita tersebut lebih bersahaja tentang percintaan antara Melur dan Mahesh. Namun untuk watak Mei Ling Yasmin menyuntik emosi yang lebih di dalam diri Mei Ling. Mei Ling merasakan ianya sebagai sebuah tanggungjawab untuk menegur kelakuan Melur yang keluar sehingga waktu Maghrib yang langsung tidak mencerminkan sebagai orang

Melayu dan tidak menghormati waktu solat Maghrib. Mei Ling dilihat tidak mempunyai masalah untuk mengamalkan gaya hidup sebagai wanita Muslim. Melalui suntikan Yasmin terhadap watak Mei Ling, Mei Ling adalah seorang yang “spiritual”. Ianya dapat dibuktikan melalui tindakan Mei Ling yang mengingatkan Melur untuk bersolat setelah pulang lewat ke rumah.

Kegusaran Datin Kalsom terhadap Mei Ling tidak terhenti di situ. Datin Kalsom mempersoalkan tentang nama Mei Ling yang tidak ditukarkan kepada nama Melayu. Buktinya melalui petikan di bawah:

Datin Kalsom: *But why she's still got Mei Ling? Why didn't she change her name?*

Mawar: *Because she masuk Islam, not Melayu, not even Arab.*

Mak: *Mei Ling is a good name, Datin. It means beautiful flower.*

Yasmin cuba memberikan kefahaman kepada masyarakat di Malaysia sekiranya individu tersebut baru memeluk Islam, tidak menjadi kewajipan untuk seseorang itu menukar nama kepada nama Arab atau nama Melayu asalkan nama tersebut membawa maksud yang baik. Hal ini telah diterangkan di dalam artikel oleh Suffian Abu Bakar dan Fadzly Iza melalui syarahan Dr. Zakir Naik seorang pendakwah dari India di Universiti Teknikal Malaysia, Melaka yang menghuraikan saudara baru tidak perlu untuk menukar nama bapa kepada Abdullah. Sekiranya nama bapa adalah Andrew, maka berbin dan berbinti kan Andrew. Hal ini oleh kerana isu penukaran nama bapa kepada Abdullah merupakan budaya di Malaysia walhal di dalam Islam tidak menjawabkan perkara tersebut. Namun sekiranya saudara baru berhasrat untuk menukar nama yang baru ia adalah digalakkan.

Firdaus Wong (2013) mengulas lanjut di dalam artikelnya yang bertajuk Islam bukan bermakna Melayu, rakyat Malaysia sering salah faham tentang sekiranya memeluk Islam diharuskan untuk menukar nama walhal yang harus perlu ditukar adalah kepercayaannya dan bukan nama dan bangsa. Beliau menyambung lagi, tidak ada masalah sekiranya individu tersebut tidak berhasrat untuk menukar nama aslinya selagi tidak melanggar syariat Islam. Selain itu, daripada kaca mata Firdaus Wong, rakyat Malaysia lebih cenderung untuk me“melayu” kan lebih daripada me“islam” kan mereka. Justeru itu, sebagai rakyat Malaysia kita harus berpegang kepada prinsip bangsa tidak akan berubah, mereka tetap bangsa Cina, India dan lain-lain namun ilmu tentang agama Islam itu seharusnya di ajar dan di sebarkan kepada mereka.

Sebagai maklum, Mei Ling merupakan wanita yang berbangsa Cina dah telah memeluk Islam. Walaubagaimanapun, Mei Ling dilihat tidak melupakan tradisi bangsa Cina. Mei Ling telah menerapkan pula tradisi Cina di dalam keluarga Melur. Sebagai contoh ianya dapat dilihat melalui babak di bawah:



Gambar 5: Penggunaan *chopstick* di dalam keluarga Melur

Babak di atas menunjukkan budaya Cina telah diterapkan di dalam keluarga Mei Ling. Aspek budaya Cina yang dapat dilihat melalui babak ini ialah pemakaian *chopstick* oleh kesemua ahli keluarga Melur. *Chopstick* merupakan salah satu simbol di dalam budaya masyarakat Cina. Menurut Chen Desheng dan Tang Zheng (2013), *chopstick* diistilah sebagai “Kuaizi” di dalam bahasa Cina. Manakala semasa zaman purba *chopstick* diistilah sebagai “Zhu”. Pemakaian *chopstick* di kalangan masyarakat Cina adalah sangat penting sehinggakan kanak-kanak seawal umur tiga tahun sudah mahir memakai *chopstick*. *Chopstick* sering digunakan untuk menjamu makanan yang berkuah dan kukus. Ia agak sukar untuk menggunakan sudu dan garfu lalu masyarakat zaman dahulu mencipta *chopstick*.

Namun begitu, kegunaan *chopstick* bukan sahaja tertumpu sebagai alat untuk makanan sahaja malahan lebih daripada itu. Ketika zaman pemerintahan Dinasti Shang *chopstick* yang diperbuat daripada perak digunakan untuk mengesan racun di dalam makanan. Manakala, dalam konteks era moden, *chopstick* digunakan untuk pemakaian wanita Cina. Seperti contoh *chopstick* emas dan perak akan diletakkan di tengah-tengah bahagian dada wanita untuk melambangkan kekayaan, kehebatan dan mencerminkan keindahan timur. Fesyen sebegini digunakan juga pada Sukan Olimpik Beijing pada tahun 2008. Manakala di dalam adat perkawinan pula, pasangan pengantin baru akan diberi *chopstick* sebagai hadiah. Pemberian *chopstick* adalah sebagai tanda doa untuk pasangan pengantin baru mendapat zuriat secepat mungkin.

Melalui babak di atas juga dapat dilihat Melur sekeluarga sedang menikmati makanan tradisi Cina iaitu Dim Sum. Menurut David Y.H dan C.H. Cheung (2002), Dim Sum adalah sejenis makanan yang berasal daripada tradisi “Yam Cha”. Yam Cha bermaksud minum teh. Seperti kebiasaan, Dim Sum akan disajikan bersama-sama dengan secawan teh. Dim Sum bersaiz kecil yang disajikan bersama-sama bekas

pengukus buluh dan bersama air teh. Selain itu, Dim Sum merupakan juadah sarapan pagi bagi masyarakat Kantonis.

Menurut Cindy Zhao Yue (2010), Dim Sum sudah tersebar luas kepada beberapa negara terutamanya di negara Amerika Syarikat dan Kanada. Ketika kunjungan beliau ke dua buah negara ini, beliau mendapati masyarakat di sana menggemari makanan tradisi Cina ini. Selain itu, beliau mendapati bahawa masyarakat Barat sangat akbar dengan makanan tradisi Cina ini sehingga dari segi teknik pemakaian chopstick kelihatan seperti masyarakat Cina asli. Begitu juga di Malaysia, makanan tradisi Cina ini diterima di kalangan masyarakat di Malaysia. Buktinya melalui lambakan restoran makanan tradisi Cina yang mendapat kelulusan sijil halal seperti *Mohd Chan, Meisan Szechuan Restaurant, China Treasures* dan banyak lagi.

Secara kesimpulannya, Mei Ling merupakan antara watak yang paling menonjol memperlihatkan integrasi budaya yang terjalin di dalam dirinya. Melalui aspek integrasi budaya dapat dilihat pemikiran Yasmin pecampuran budaya dan tradisi di dalam sesebuah keluarga bukan merupakan satu masalah yang besar. Malahan masyarakat yang hidup pelbagai bangsa di dalam sesebuah kawasan dapat mempelajari budaya baru serta menghormati budaya masing-masing. Watak Mei Ling yang diketengahkan di dalam filem ini telah membawa budaya dan tradisi aslinya ke dalam keluarga Melur. Malahan Mei Ling sebagai seorang mualaf kelihatan selesa untuk berada di dalam kaum keluarga Melayu. Justeru itu, hasil pemikiran Yasmin telah berjaya meletakkan dua budaya yang berbeza dari segi nilai, norma, tradisi dan kepercayaan di bawah sebuah entiti yang kukuh.

4.4 Rumusan

Secara kesimpulannya, pengkaji telah menemukan dua dapatan kajian menerusi filem *Talentine* iaitu integrasi budaya dan integrasi kaum yang sememangnya mencerminkan realiti masyarakat berdasarkan pengamatan terhadap dialog dan naratif. Hal ini dapat dibuktikan melalui penayangan realiti masyarakat seperti ragam bahasa yang bercampur-campur yang dituturkan oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, peristiwa rusuhan kaum yang pernah terjadi di Malaysia dan telah menyebabkan masalah pembentukan integrasi di kalangan etnik di Malaysia. Walaubagaimanapun, selepas analisis filem dilakukan, pengkaji percaya bahawa teori sosiologi sastera boleh diaplikasi di dalam konteks filem melalui pengamatan terhadap dialog dan naratif. Hal ini turut disokong oleh kajian daripada Al Fatimah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim (2014), yang menyatakan filem merupakan cerminan masyarakat. Justeru itu, pada bab seterusnya pengkaji akan mengulas lebih terperinci tentang kajian ini secara menyeluruh antara pengaplikasian teori sosiologi sastera dan kritikan sosial di dalam filem *Talentine*.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan tentang pengaplikasian teori sosiologi sastera prinsip pertama iaitu sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat terhadap kritikan sosial di dalam filem *Talentine* oleh Yasmin Ahmad. Sebagai maklum, teori sosiologi sastera sering digunakan di dalam bidang kesusasteraan, namun kurang penelitian terhadap bidang perfileman. Namun begitu, pengkaji berpendapat teori sosiologi sastera dan filem dapat digabungkan di dalam sebuah kajian. Prinsip pertama sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat menggariskan karya sastera adalah berkait rapat dengan masyarakat dan merupakan dokumen sosiobudaya masyarakat pada kurun yang tertentu. Selain itu, sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat boleh juga diulas menggunakan teknik penceritaan seperti latar masyarakat, watak dan perwatakan, naratif dan dialog yang menghidupkan sesebuah karya sastera. Prinsip yang terakhir iaitu mengambil faktor luar yang tidak mempunyai pertalian kesusasteraan seperti latar belakang pengarah, latar belakang pendidikan dan faktor-faktor lain lagi.

5.1 Rumusan kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan teori sosiologi sastera untuk menganalisis kritikan sosial di dalam filem *Talentine* karya Yasmin Ahmad. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kritikan sosial yang terdapat di dalam filem *Talentine*. Maka untuk menjawab objektif pertama pengkaji telah menemukan dua buah aspek kritikan sosial yang paling menonjol di dalam filem *Talentine* iaitu integrasi kaum dan integrasi budaya. Hal ini juga di dorang melalui beberapa kajian yang ditemukan oleh

pengkaji yang menyatakan bahawa filem-filem Yasmin membawa idea kepelbagaian kaum yang bertepatan dengan keadaan dan kewujudan tiga etnik utama di Malaysia. Contohnya adalah seperti kajian daripada Ekky Imanjaya (nd), yang menyatakan Yasmin menyebarkan semangat kepelbagai budaya di dalam filem *Sepet*, *Gubra*, *Talentine* dan juga komersial bersama Petronas seperti *Tan Ho Ming* dan juga *Funeral*.

Selain itu, dapat dilihat di dalam filem-filem Yasmin tidak tertumpu untuk menggunakan satu bahasa sahaja namun Yasmin meraikan kesemua jenis bahasa yang sering digunakan masyarakat di Malaysia seperti Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Bahasa Hindi dan bahasa isyarat seperti yang digunakan di dalam filem *Talentine*. (Ekky Imanjaya, nd). Hakikatnya, melalui jenis-jenis bahasa inilah yang mencerminkan kemeriahan penggunaan bahasa di Malaysia. Menurut Amir Muhammad (2009), Yasmin menegaskan bahawa warisan multikultural di Malaysia adalah sebagai rahmat yang diberi tuhan yang tidak wajar dilabelkan sebagai bebanan yang berat di dalam masyarakat.

Artikel daripada Niezam Abdullah (2009), menegaskan bahawa Yasmin mengambil pendekatan tentang perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Di sebalik konflik yang dihadapi tentang isu-isu runcing yang berlaku di Malaysia, Yasmin dengan pantas mengambil ruang unik untuk menghubungkan kesemua kaum melalui filem *Talentine*. Niezam mengulas lagi Yasmin berjaya mengetengahkan elemen perpaduan masyarakat di Malaysia melalui persahabatan, kekeluargaan dan percintaan tanpa mengira perbezaan bangsa dan kepercayaan.

Selepas beberapa analisis dilakukan, pengkaji menemukan Yasmin sudah terlebih dahulu memperkenalkan gagasan “1 Malaysia” di dalam filem dan komersial yang dihasilkan. Gagasan 1 Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Dato’

Seri Najib Razak. Gagasan 1 Malaysia adalah sebuah gagasan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Begitu juga Yasmin yang meletakkan tiga bangsa utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India di dalam sebuah karya. Seperti Sepet Yasmin meletakkan percintaan dua kaum berbeza iaitu antara kaum Cina dan Melayu. Manakala filem *Talentine* Yasmin mengetengahkan percintaan antara kaum Melayu dan kaum India. Jelas di sini, perbezaan bukan dinding penghalang kepada pembentuk integrasi.

Melihat pula dari sudut latar belakang Yasmin, pengarah jiwa murni ini dikelilingi dengan kehidupan yang datang dari pelbagai bangsa. Buktinya melalui perkahwinan di antara Yasmin dan suaminya yang berbangsa Cina iaitu Tan Yew Leong. Amir Muhammad juga menyatakan bahawa suami pertama Yasmin adalah seorang India Muslim. Oleh itu, Yasmin sudah terlebih dahulu menerapkan perkahwinan campur di dalam kehidupannya lalu diterjemahkan di dalam karyanya khusus filem *Talentine*. Di dalam filem *Talentine*, penonton di sajian dengan perkahwinan campur yang diterapkan kepelbagai budaya di dalam sebuah institusi kekeluargaan. Hal ini dapat dilihat melalui pertalian perkahwinan Mak berbangsa Melayu dan Harith yang berbangsa Inggeris. Di samping itu, mereka mempunyai pembantu rumah berbangsa Cina. Hal ini dapat menguatkan lagi integrasi di dalam keluarga Melur akibat daripada pertembungan pelbagai budaya berbeza di dalam sebuah keluarga.

Yasmin adalah seorang yang spiritual. Hal ini dapat dibuktikan melalui perkataan perkataan yang sering digunakan pada permulaan setiap filemnya iaitu "*In the name of god the most gracious, the most compassionate.*" Di dalam bahasa Arab, ia bererti Bismillahirrahmannirahim. Lafaz ini sering digunakan oleh penganut agama Islam sebelum memulakan apa-apa pekerjaan dan perlakuan. Sama juga seperti Yasmin,

hal ini dapat dibuktikan melalui buku *Yasmin How You Know* (2012), yang menyatakan Yasmin sering melafazkan kata suci ini ketika beliau ingin melakukan apa jua perkara. Yasmin juga menggalakkan sahabat beliau yang bukan Islam untuk melakukan perkara yang sama mengikut kepercayaan masing-masing.

Selain itu, Yasmin mempercayai setiap bakat, setiap pemikiran, setiap rancangan yang di rancang adalah keizinan dan kurniaan daripada Allah S.W.T. Yasmin meletakkan kepercayaan kepada Allah S.W.T untuk diberikan jalan yang mudah dalam apa jua perkara yang dilakukan. Hal ini dapat dibuktikan melalui temu bual yang dijalankan bersama Syafie Naswip salah seorang pelakon filem *Talentine*. Terdapat sebuah babak ketika Hafiz (Syafie Naswip), yang sedang bersolat di dalam surau selepas kehilangan ibunya dan kemudian di datangi dua ekor burung tanpa dirancang di dalam babak tersebut. Pada awalnya, mereka tidak menyedari kehadiran dua ekor burung tersebut. Apabila melihat semula rakaman tersebut, mereka terkejut melihat kehadiran dua ekor burung berdekatan dengan sejadah yang digunakan oleh Hafiz. Ianya seolah-olah memberi gambaran dua ekor burung tersebut menemani Hafiz yang sedang bersedih dan sunyi selepas kehilangan ibunya. Sejurus selepas itu, Yasmin dengan bersahaja mengatakan kepada Syafie Naswip “Nampak tak kuasa tuhan? Tuhan bagi kita hadiah ni. 2 ekor burung.”

Yasmin menegaskan bahawa beliau menghasilkan karya-karya nya adalah ikhlas daripada hati. Walaupun beliau sering menerima kritikan daripada penggiat dan netizen Malaysia akibat menyentuh tentang isu tabu ia tidak sedikit memberi kesan kepada Yasmin. Disebabkan oleh itu beliau tidak putus-putus dan berani untuk melahirkan filem yang menyentuh tentang isu isu tabu di Malaysia seperti penayangan agama Islam, semangat perpaduan, percintaan berbilang kaum. Yasmin mengulas lagi bahawa

Yasmin percaya bahawa Allah S.W.T menilai dari niatnya yang baik untuk menyampaikan kebaikan kepada masyarakat.

Di samping itu, Yasmin juga dilihat membuka mata masyarakat tentang keadaan realiti yang benar-benar terjadi di dalam keadaan masyarakat majmuk di Malaysia. Contohnya adalah seperti kepelbagaian kaum di Malaysia, kemeriahan budaya di Malaysia, ragam bahasa yang berjaya menyatukan rakyat Malaysia serta percintaan kepelbagaian bangsa dan agama yang sering di pandang serong oleh segelintir masyarakat. Hakikatnya, ini lah Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian tradisi bermula daripada Tanah Melayu dijajah oleh British dan berterusan sehingga zaman kesultanan Melayu Melaka dan sehingga kini masih teguh perkembangan tiga etnik utama di Malaysia.

Prinsip sosiologi sastera sebagai gambaran masyarakat menggariskan prinsip ini boleh mengambil faktor luar yang tidak mempunyai pertalian dengan sastera seperti latar belakang pengarang, latar belakang pendidikan serta sejarah hidup pengarang. Hal ini secara jelas penampakkan Yasmin benar-benar mengambil pengalaman yang pernah dilaluinya lalu meletakkan pengalamannya di dalam karya-karyanya. Hal ini dapat dibuktikan melalui filem *Rabun dan Sepet* adalah inspirasi daripada kedua-dua ibu bapanya. Selain itu, latar belakang Yasmin yang berkahwin campur juga dapat dilihat di ketengahkan oleh Yasmin di dalam filem *Talentine*. Malahan bukan sahaja di dalam filem *Talentine*, di dalam *Sepet* dan beberapa iklan komersialnya juga memperjuangkan idea percintaan pelbagai ras dan etnik.

Melalui penemuan ini dapat disimpulkan, pendekatan sosiologi sastera adalah tepat untuk diaplikasikan di dalam kajian ini. Hal ini kerana berdasarkan analisis yang dilakukan terbukti bahawa Yasmin sememangnya menggabungkan tiga garis panduan di

dalam prinsip pertama sosiologi sastera iaitu melambangkan realiti masyarakat yang sebenar melalui elemen penceritaan serta pengaruh faktor luar daripada kesusasteraan seperti latar belakang, latar belakang pendidikan dan sejarah hidup di dalam menghasilkan sesebuah karya. Hal ini dikuatkan lagi dengan Yasmin bukan sahaja pengarah kepada filem ini namun Yasmin juga merangkap sebagai penulis skrip filem ini. Justeru itu, kedua-dua objektif yang ingin dikaji telah tercapai.

5.2 Cadangan kajian akan datang

Oleh itu, pengkaji mengesyorkan kepada pengkaji masa hadapan yang mungkin berminat dalam bidang kritikan sosial ini untuk memperbanyakkan lagi pendokumentasian tentang kritikan sosial di dalam filem dan mengambil pendekatan teori sosiologi sastera. Selain itu, pengkaji akan datang boleh mengkaji pelbagai aspek secara lebih mendalam terutamanya tentang semangat integrasi masyarakat majmuk di Malaysia. Antara aspek yang boleh diketengahkan adalah seperti integrasi di dalam pendidikan yang telah dirangka oleh kerajaan Malaysia untuk menyatupadukan masyarakat kepelbagaian kaum di Malaysia serta keadaan sosio-ekonomi masyarakat mengikut etnik. Di samping itu, pengkaji akan datang juga bukan sahaja boleh mengambil pendekatan penggunaan teori sosiologi sastera namun pengkaji baru boleh mengambil pendekatan teori-teori tentang integrasi masyarakat. Akhir kata, kajian tentang kritikan sosial di dalam filem harus diperbanyakkan agar kajian sebegini mampu untuk membuka minda masyarakat untuk lebih terbuka terhadap perbezaan etnik dan kepercayaan masing-masing serta menghormati perbezaan etnik.

5.3 Limitasi

Pengkaji menghadapi pelbagai limitasi sewaktu menjalankan kajian ini. Antaranya pengkaji menghadapi masalah untuk menemu bual para pelakon dan ahli produksi filem

Talentine. Hal ini oleh kerana beberapa orang pelakon tidak berada di tanah air ketika kajian ini dijalankan. Seperti Mahesh Khishor, beliau berada di negara Dubai dan menetap di sana. Walaubagaimanapun, temu bual telah dijalankan melalui aplikasi *video calling Skype*. Namun begitu, perkara yang tidak sangka-sangka telah terjadi di mana audio yang telah dirakam tidak dapat berfungsi kerana masalah teknikal pada perisian yang digunakan.

Selanjutnya, temu bual yang dijalankan bersama Sharifah Amani. Mengikut persetujuan antara pengkaji dan Sharifah Amani akan bertemu di salah sebuah kafe di sekitar Kuala Lumpur. Pada awalnya, temu bual berjalan dengan lancar. Namun begitu, setelah pulang ke rumah dan mendengar semula audio yang telah dirakam, pengkaji sukar untuk mendengar semula percakapan yang ditutur oleh Sharifah Amani. Hal ini oleh kerana audio radio yang dimainkan di kedai tersebut lebih kuat berbanding suara Sharifah Amani. Justeru itu, sebaik sahaja insiden ini berlaku pengkaji dengan pantas mencatat maklumat penting yang masih segar di dalam minda pengkaji. Tambahan lagi, pengkaji mengambil inisiatif lain dengan mencari beberapa temu bual sama ada di dalam rancangan temu bual mahupun dokumentari yang pernah di jalankan berkenaan Yasmin untuk menjadi sokongan kepada data yang ditemui oleh pengkaji.

Pengkaji mengalami kesukaran untuk mendalami beberapa dialog yang tidak dituturkan di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun begitu, pengkaji berusaha untuk mendalami dialog-dialog dan memahami isi cerita dengan meminta pertolongan daripada rakan-rakan yang bukan berbangsa Melayu. Tambahan lagi dengan masa yang sangat terhad, analisis kajian yang dilakukan adalah sangat sedikit penelitiannya dan olahannya. Justeru itu, pengkaji berharap agar pengkaji baru akan menggali dengan lebih mendalam tentang karya-karya Yasmin Ahmad yang tersimpan beribu rahsia di sebalik penayangan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Embong. (2002). Malaysia as a Multicultural Society. *Macalester International: Malaysia Crossroads of Diversity in Southeast Asia*, 12 (10), 1-24.
- Abdul Rahman Embong. (1967). *Watak, sasterawan dan masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Dahana. (2002). *China dan Malaysia dalam arena Perang Dingin 1949-74*. Bangi: Penerbit UKM.
- Adham Shadan. (2009). Karya daripada hati. *Kosmo*. Diambil daripada http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0727&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm
- Adi Pranajaya. (1999). *Filem dan masyarakat*. Jakarta: BP SDM CITRA.
- Arnheim, R. (1957). *Film as art*. Los Angeles: University of California Press.
- Ahmad Puad Onah. (Produser), & Yasmin Ahmad. (Pengarah). (2009). *Talentine*. [Motion Picture]. Malaysia: Grand Brilliance.
- Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim. (2014). Kritikan Sosial Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Business Business and Social Development*. 2 (2), 62-73.
- Amir Muhammad. (2009). *Yasmin Ahmad's films*. Petaling Jaya: Matahari Books.
- Anuar Nor Arai. (2007). *Kumpulan esei dan kritikan filem*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ang, H. G. (2006, Mac 8). Mengenang peristiwa berdarah Taman Medan. *Malaysia Kini*. Diambil daripada <https://www.malaysiakini.com/opinions/47989>
- Asiah Sarji. (1996). *Pola pengalaman profesionalisme dalam industri filem Malaysia*. Kuala Lumpur: FINAS.
- Asmah Haji Omar. (2007). "Taksonomi pertemuan bahasa: Di manakah letaknya Bahasa Rojak?" *Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Bailey, K. D. (1978). *Methods of social research*. New York: Free Press
- Bakkar, Sj. J. W. M. (1984). *Filsafat kebudayaan: Sebuah pengantar*. Jakarta: Kanisus.
- Bergan, R. (2009, August 12). Yasmin Ahmad: Malaysian film director unafraid of tackling sensitive subjects. *The Guardian*. Diambil daripada <https://www.theguardian.com/global/2009/aug/12/obituary-yasmin-ahmad>

- Chandran, P. (2002, March 8). Remembering Kampung Medan: One year after. *Malaysia Kini*. Diambil daripada <https://www.malaysiakini.com/news/10633>
- Cindy, Z. Y. (2010). Dim sum taste of Hong Kong. *Centre for Applied English Studies*, 6, 6-8.
- Cheng, D., & Tang, Z. (2013). Chopsticks as a cultural symbol in China. *Journal of Research & Method in Education*, 1 (4), 1-2.
- Clarissa. L.A.L. (2008, Januari 29). Amir Muhammad Propagandis? *Malaysia Kini*. Diambil daripada <https://www.malaysiakini.com/opinions/50941>
- Comber, L. (2007). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu – Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- David Y. H.W., & Sidney C. H. C. (2002). *The globalization of Chinese Food*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Faisal Tehrani. (2006, April 28). Ulasan Filem Gubra Yang Sesat Lagi Menyesatkan. Diambil daripada <https://dppwp.wordpress.com/2006/04/28/ulasan-filem-gubra-yang-sesat-lagi-menyestakan/>
- Fadli Al-Akiti. (2013). *Tonton filem*. Kuala Lumpur: Neptune Press.
- Farah Azalea Mohamed. (2008). *Controversies Surrounding Malaysian Independent Female Director Yasmin Ahmad's First Film, Sepet* (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Monash, Kuala Lumpur.
- Firdaus Wong. (2013, April 1). Islam bukan bermakna Melayu. *Jom*. 35-37.
- Galang Surya Gumilang. (2016). Pembentukan bangsa Indonesia. *Prosiding Seminar Nasional "Optimalisasi Active Learning dan Character Building dalam Meningkatkan Daya Saing Bangsa di Era Masyarakat Ekonomi Asean (MEA)*. (502-507). Jogjakarta: Prodi Pendidikan Guru Sekolah Dasar.
- Galuh Candra Wesesa. (2015). *Krtikan Sosial Terhadap Perilaku Masyarakat Urban dalam Film "Jakarta Maghrib"*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Gudeman, R. H. (2002). Multiculturalism in Malaysia: Individual Harmony, Group Tension. *Macalester International: Malaysia Crossroads of Diversity in Southeast Asia*, 12 (16), 1-24.
- Harrington, J. (1977). *Film an as literature*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hassan Mutalib. (2013). *Malaysian cinema in a bottle*. Selangor: Merpati Jingga.

- Hassan Ahmad. (2009. April 4). Lidah terputus, bahasa dan bangsa pupus. *Dewan Bahasa*, 9, 1-62.
- Hashim Awang. (1998). *Budaya & Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Citra Budaya.
- Ian Fadzil. (2017). *Zine Yasmin Ahmad studies*. Kuala Lumpur: XS Studio.
- Irwan, M. S., Azman, A. R., Mahazan, A.M., Nuradli Ridzwan Shah, M.D., Wan Mohd. Fazrul Azdi, W. R., Rose Irnawaty, Ibrahim., ... Norlina Ismail. (2015). Penerimaan penggunaan istilah Muallaf dalam kalangan Muallaf di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 111-134.
- Jeniri Anuar. (2014, Julai). Derita filem genre Islam. *Dewan Budaya*. Diambil daripada <http://dwnbudaya.dbp.my/wordpress/?p=654>
- Jins Samsuddin. (2014). *Filem Melayu citra budaya dan rakaman sejarah*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad. (2009). Filem Box Office dan Ideologi: Satu Kajian Terhadap Filem-Filem Terpilih di Malaysia. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 8, 44-68.
- Johari Yap. (2015). Lebih Baik Kahwin Campur. *Sinar Harian*. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/johari-yap/lebih-baik-kahwin-campur-1.461994>
- Jones, P. (2003). *Introducing social theory*. New Jersey: Blackwell.
- Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. (2005). *Laporan akhir kajian inventori penyelidikan pembangunan sosial di Malaysia 2001-2005*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat.
- Kroeber, L. A., & Kluckhohn, C. (1952). *A critical review of concepts and definitions*. USA: Peabody Museum of American Archeology and Ethnology.
- Kong, G. C., Goh, D. P., & Gabrielpillai, M. (2009). *Race and Multiculturalism in Malaysia and Singapore*. Britain: Routledge.
- Kong, G. C. (2009). Reading the films of independent filmmaker Yasmin Ahmad: Cosmopolitanism, Sufi Islam and Malay subjectivity. In G. C. Kong (Ed.), *Race and Multiculturalism in Malaysia and Singapore* (pp. 1-9). Britain: Routledge.
- Leo Burnett Malaysia. (2012). *“Yasmin how you know?”*. Kuala Lumpur: Leo Burnett.
- Lee Yuen Beng. (2015). Yasmin Ahmad: Autering a new Malaysian cinematic landscape. *Journal of Arts Discourse*, 14, 87-109.

- Linton, R. (1947). *The cultural background of personality*. London: D. Appleton-Century Co.
- Muhammad Su'ud Zhariff Bin Zaharin. (2012). Kritikan Sosial Dan Sejarah Masyarakat Dalam Rock Oo 2012.
- Mohammad Arif Nizam Abdullah. (2006, Disember 18). Rahsia kebaya pendek Yasmin Ahmad. Utusan Online. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1218&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_03.htm
- Mohammed Azlan Mis. (2017). Bahasa Rojak dalam Kalangan Penduduk di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 1, 220-238.
- Mohd Anuar Ramli & Muhammad Aizat Jamaludin. (2012). Prinsip Hubungan Sosial bagi Menangani Konflik dalam Masyarakat Malaysia Berteraskan Islam. *Jurnal Peradaban*, 5, 49-71.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61-84.
- Naila Mufidah. (2004). *Kritikan Sosial dalam Puisi Esei "Manusia Gerobok"*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Naim Ahmad. (1995). *Filem sebagai alat dan bahan kajian*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nanang Martono. (2010). Kritik sosial terhadap praktik pendidikan dalam film "Laskar Pelangi". *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 16 (3), 340-350.
- Nazirah Lee. (2014). Transformasi fesyen pakaian muslimah Muslim di semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940. *Jurnal Perspektif*, 6 (3), 68-80.
- Ngo, S. S., & Harith Baharudin. (2015). Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam Filem Muallaf. *Journal of Arts Discourse*, 14, 111-145.
- Niezam Abdullah. (2008, Ogos 2). Talentime memberi saingan sengit. Utusan Online. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0802&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_15.htm
- Nik Safiah Karim. (1964). *Kajian kebudayaan Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Dian.
- Nor Aziah Jaafar. (1998, Jun 25). Pakaian tradisional masih diterima generasi muda. *Utusan Online*. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0625&pub=Utusan_Malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_03.htm

- Noresah Baharom. (2007). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norman Yusoff. (2012). Sepet, Mukhsin, and Talentine: Yasmin Ahmad's Melodrama of the Melancholic Boy-in-Love. *Asian Cinema*, 22(2), 20-46.
- Ogburn, W. F. (1964). *On culture and social change: Selected papers*. Chicago: University of Chicago Press.
- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis penyelidikan & statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2007). Diambil daripada <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Putro, G. B., & Waluyanto, H. D. (2014). Perancangan Buku Kartun Opini yang Diadaptasi daripada Lagu Bertema Kritik Sosial Politik di Indonesia. *Jurnal DKV Adiwarna*, 1(4), 12.
- Pue, G. H. (2015). *Perkahwinan campur dan fenomena Peranakan di semenanjung Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rabiatul Adawiyah Koh. (2006, Februari 25). Ikatan persahabatan bina integrasi dan jati diri. *Utusan Online*. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm
- Rahmah Bujang. (1975). *Sejarah perkembangan bangsawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, G., & Zawawi Ibrahim. (2012). Remembering Yasmin Ahmad: Social Criticism and Forgiveness. In *A Tribute to Yasmin Ahmad*. Social Science and Knowledge in a Globalising World, 434-448.
- Rosidah Shaukat., & Ekky Imanjaya. (n.d.). Film Sebagai Media Social Marketing: Yasmin Ahmad Berjualan Ide Multikulturalisme. *Dewan Kesenian Jakarta*, 1-13.
- Salleh Hashim. (2012, Disember 4). Punca bahasa rojak dan cara mengatasi. *Dewan Bahasa*. Diambil daripada <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=1045>
- Sarjit S. Gill. (2001). Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. *Jurnal Sari*, 19, 189-203.
- Sanusi Osman. (1981). Perbezaan Sosio-ekonomi dan Konflik. *Jurnal Akademika*, 18, 77-93.
- Sarlito W. Sarwoona. (2013). *Pengantar psikologi umum*. Indonesia: Raja Grafindo Persada (Rajawali Press).

- Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Mohd Adnan Hashim. (2015). *Pembikinan Filem Islam di Malaysia: Perjalanan Dakwah atau Pelaburan Komersial: 1st International Islamic Heritage Confrence*. (pp 651-658). Melaka, Malaysia: Universiti Teknologi MARA.
- Siti Fatimah Awang. (2016, Januari 30). Memori zaman pawagam tiket 25 sen, nyamuk bukan halangan. *Sinar Online*. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/memori-zaman-pawagam-tiket-25-sen-nyamuk-bukan-halangan-1.479493>
- Shazryn Mohd Faizal. (2009, Mac 12). Taruhan Terbaru Yasmin Ahmad. *Utusan Malaysia*. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm
- Su'ad Awad. (2007). "Rojak (Pasembor?) Melayu: Identiti linguistik dan sosial bahasa sembang internet". *Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Suffian Abu Bakar & Fadzly Izab. (2016, April 19). Tak perlu tukar nama peluk Islam. *Utusan Online*. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tak-perlu-tukar-nama-peluk-islam-1.277466>
- Suwardi Endraswara. (2006). *Metodologi penelitian kebudayaan*. Yogyakarta: Gadjah Mada Universiti Press.
- Syarul Azman Shaharuddin., Mariam Abdul Majid., Muhammad Yusuf Marlon., Fakhri Sugit., Zulkilfi Hamid., Hanis Najwa. (2016). Isu dan permasalahan Muafaf (Cina) di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah (IRSYAD)*, 1-11. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Syarul Azman & Razaleigh Muhamat. (2014). Tahap kefahaman, penerimaan dan integrasi golongan Muafaf Cina terhadap kebudayaan masyarakat Melayu di negeri Selangor. *Jurnal al-Hikmah*, 6, 66-77.
- Tam, M. (2014, Januari 7). Google honours Yasmin Ahmad with special doodle, netizens pay tribute on late movie-maker's birthday. *The Star Online*. Diambil daripada <http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/01/07/yasmin-ahmad-google-doodle/>
- Tan, C. B. (1988). *The Baba of Melaka: Culture and identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Tang, C. Y. (1993). *Psikologi perkembangan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

- TAPAUtv. (2014, Julai 24). Yasmin the storyteller [Video File]. Diambil daripada <https://www.youtube.com/watch?v=2hHiOs1Rpi4>
- Ting C. P. (1987). *Hubungan ras dan etnik*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi Sastera persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2006). Pemahaman dan penerapan Sosiologi Sastera dalam sastera Melayu moden. *Akademika*, 69(1), 3-16.
- Utusan Zaman*, (Januari, 1940).
- Yasmin Ahmad. (2007, Oktober 15). "Talentine". My new film in the making. [Web log post]. Diambil daripada <http://yasminthestoryteller.blogspot.my/2007/10/my-new-film-in-making.html>
- Alvinology. (2008, Disember 8). Yasmin Ahmad's Muallaf. *Alvinology*. Diambil daripada <https://alvinology.com/2008/12/08/yasmin-ahmads-muallaf-2008/>
- Yuan, W. (2000). *Menembus pasar Cina*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Zairil Khir Johari. (2015, Mei 13). Filem sebagai wadah kritikan sosial. *Roket Kini*. Diambil daripada <https://www.roketkini.com/2015/05/13/filem-sebagai-wadah-kritikan-sosial/>
- Zevallos, Z. (2006). Because we live in a multicultural world: Multiculturalism as a lived ideology. *Proceedings of the Everyday Multiculturalism Conference*. 1-11.